



2015


LAPORAN TAHUNAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN





2015

LAPORAN TAHUNAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



EDITORIAL

JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI

Prof. Dato. Dr. Mortaza bin Mohamed
Naib Canselor

Prof. Dr. Mohd Hassan bin Mohd Osman
Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa

Prof. Abdul Aziz bin Ab Latif
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Prof. Dato' Dr. Ibrahim bin Che Omar
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi

Pauzi bin Pak Chu
Pendaftar

Mohd. Yusri bin Awang
Bendahari

Azman bin Hashim
Ketua Pustakawan

Nor Azli bin Ahamed
Penasihat Undang-Undang

Prof. Rosdi bin Ab. Rahman
Penolong Naib Canselor

EDITORIAL

Ketua Editor

Prof. Dato' Dr. Ibrahim bin Che Omar

Prof. Rosdi bin Ab. Rahman

Azman bin Hashim

Editor

Amirul Firdaus bin Zilah

Tuan Zulkipeli bin Tuan Yeh

Editor Bersekutu

Mohd Akhmal bin Abu Bakar

Adni binti Abu Hassan Sha'Ari

Emyzrah binti Othman

Kho Siew Leen

Faidzah binti Shah Rum

Raja Azlan bin Raja Ismail

Amirul Firdaus bin Zilah

Mohd Norhafizan bin Muhammad

Mohd Khir Amin bin Zakarya

Siti Norhidayah binti Mat Hussin

Noor Azlina binti Abdullah

Azzhar bin Mohd Nawī

Muhamad Rozi bin Suddin

Mohd Tarmizi bin Mohd Yusoff

Lidyawati Husniza binti Mohd Zahari

Nur Hernani binti Shamsuddin

Siti Nor Suhaili binti Rosli

Mohd Haris bin Lukman

Pereka

Normala binti Othman

Kamarul Hisyam bin Abdul Rahman

Juru Gambar

Mohd Al Azam bin Mat Razi

Pembantu Atur Huruf

Raihana binti Sulaiman

Nur Ain Syahirah binti Mohd Darus

DITERBITKAN OLEH

PENERBIT UMK

Universiti Malaysia Kelantan,

Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu,

Karung Berkunci 36, Kampus Kota,
Pengkalan Chepa, 16100 Kota Bharu,

KELANTAN DARUL NAIM

Tel : 09 -7717000 / 7181

Faks : 09-771 7022

Emel : penerbit@umk.edu.my

Laman Web : www.umk.edu.my

ISI

023

LAPORAN
PENGURUSI

031

PETUNJUK
PRESTASI
UTAMA

085

APPENDIX

KANDUNGAN

- 007 MAKLUMAT KORPORAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
- 013 LATAR BELAKANG UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
- 023 LAPORAN Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
- 027 ACARA KEMUNCAK UNIVERSITI 2015
- 031 LAPORAN Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
- 035 ANALISIS PRESTASI KEWANGAN
- 051 PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT
- 085 APPENDIX



MAKLUMAT KORPORAT

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Logo & Falsafah

Objektif

Visi & Misi


Slogan

Teras Strategi Pembangunan

Canselor

Pro-Canselor

MAKLUMAT KORPORAT



Falsafah kurikulum pengajian di UMK adalah berteraskan kepada pendidikan keusahawanan (*entrepreneurship education*).

Oleh itu, frasa rangsangan
“Entrepreneurship is Our Thrust”
 digunakan dengan meluas

Universiti Malaysia Kelantan atau ringkasnya UMK merupakan institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang ke-19 dan telah diumumkan penubuhannya semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) pada 31 Mac 2006 oleh Perdana Menteri pada ketika itu, YAB. Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi. Ia kemudiannya diluluskan penubuhan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Jun 2006 dan dipisahkan pada 1 September 2006.

UMK merupakan satu-satunya universiti penuh yang ditempatkan di negeri Kelantan Darul Naim. Falsafah kurikulum pengajian di UMK adalah berteraskan kepada pendidikan keusahawanan (*entrepreneurship education*). Oleh itu, frasa rangsangan “*Entrepreneurship is Our Thrust*” digunakan dengan meluas.

Bagi jangka masa pendek dan sederhana, empat (4) kelompok bidang teras diberi penekanan iaitu keusahawanan dan perniagaan, agro industri dan sumber

asli, teknologi kreatif dan warisan serta perubatan veterinar. Pada masa yang sama, penekanan juga diberi kepada kemahiran bahasa dan insaniah. Program-program ini diwujudkan bagi melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi dan bermanfaat untuk kesejahteraan global. Perhatian diberi kepada peningkatan keupayaan dan kemampuan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) (*Capability and capacity Building of SMEs*) dengan teknologi sebagai pengupaya dalam menggerakkan kejayaan.

LOGO & FALSAFAH

- i. Lanya melambangkan sebuah Universiti terletak di negeri Kelantan dengan penekanan kepada huruf “U”, “M”, dan “K”.
 - ii. Reka bentuk logo melambangkan dinamik, pemikiran terbuka, inovatif & kreatif dan merentasi zaman.
 - iii. *Hourglass* melambangkan tiada tempoh masa dalam proses pembelajaran atau pengajaran sepanjang hayat (PSH).
 - iv. Melambangkan dua tangan memohon restu, bersyukur dan redha.
 - v. Menggambarkan unsur kromosom yang melambangkan asal usul serta kejadian alam (*a part of nature*)
 - vi. Warna “biru” untuk Malaysia, “merah” untuk Kelantan dan “pinang masak” untuk warisan.
- Penekanan kepada enam aspek utama iaitu:
- i. Keusahawanan
 - ii. Bahasa ketiga
 - iii. ICT sebagai pengupaya
 - iv. Pembelajaran sepanjang hayat
 - v. Bakat berkualiti
 - vi. Keunikan dan relevan

OBJEKTIF

- i. Menyediakan program pengajian dan latihan dengan memberi penekanan kepada pembudayaan keusahawanan dan pembangunan insaniah.
- ii. Membangunkan bakat berkualiti yang menyumbang dengan berkesan kepada pembangunan negara dan dimanfaatkan oleh masyarakat.
- iii. Memperkasakan keupayaan staf dalam aspek pembelajaran sepanjang hayat (PSH), penyelidikan dan inovasi, kepimpinan dan pengurusan.
- iv. Menerajui agenda pendidikan keusahawan dalam pengajian tinggi.
- v. Menyediakan infrastruktur yang kondusif dan sistem sokongan yang berkualiti sebagai asas kepada pembangunan universiti keusahawanan.
- vi. Menjadikan Universiti relevan kepada masyarakat dan industri melalui keusahawanan masyarakat (*social entrepreneurship*).
- vii. Mengamalkan sistem tadbir urus dan pengurusan kewangan yang berkesan serta berintegriti tinggi.

VISI MISI

Peneraju
pembangunan
modal insan
bercirikan
keusahawanan
bagi kesejahteraan
global.

UMK menyediakan:

- i. Program akademik berkualiti dan relevan,
- ii. Penyelidikan dan inovasi dengan nilai komersial tinggi,
- iii. Perkhidmatan yang memenuhi tanggungjawab sosial,

yang mampu meningkatkan daya saing dalam keusahawanan,

UMK sentiasa mengutamakan keperluan pelanggan dan memenuhi kehendak pasaran dengan menyediakan persekitaran kondusif;

dan

Warga UMK berpengetahuan, berkemahiran, dan komited mengamalkan budaya kerja profesional, mengurus secara partisipatif serta melaksanakan penambahbaikan berterusan.

SLOGAN

Keusahawanan Adalah Teras Kami

TERAS STRATEGI PEMBANGUNAN

- i. Membangun dan mengantarabangsakan program pengajian aktiviti universiti;
- ii. Memperkasakan penyelidikan, inovasi, dan pengkomersialan;
- iii. Menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten, dan berintegriti serta mengamalkan sistem pengurusan dan tadbir urus yang mantap;
- iv. Membangun infrastruktur yang menyokong falsafah pembangunan universiti keusahawanan;
- v. Menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan industri.



CANSELOR

KEBAWAH DULIYANG MAHA MULIA SULTAN MUHAMMAD V

D.K. D. M. N., D.K. (SELANGOR), D.K. (NEGERI SEMBILAN), D.K. (JOHOR), D.K. (PERAK) D.K. (PERLIS),

D.K. (KEDAH), D.K. (TERENGGANU), S.P.M.K., S.J.M.K., S.P.K.K., S.P.S.K.

SULTAN DAN YANG DIPERTUAN BAGI NEGERI KELANTAN DARUL NAIM DAN JAJAHAN TAKLUKNYA



PRO-CANSELOR

**YANG TERAMAT MULIA
DR. TENGKU MUHAMMAD FA-IZ PETRA IBNI SULTAN ISMAIL PETRA**

D.K. S.P.M.K.
TENGKU MAHKOTA KELANTAN

LATAR

BELAKANG

UNIVERSITI MALAYSIA
KELANTAN

Lembaga Pengarah Universiti

Jawatankuasa Pengurusan Universiti

Ahli Senat

Penyata Kawalan dan Pengurusan Risiko



 Universiti Malaysia
KELANTAN

Universiti Malaysia
Kelantan

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



05

04

02

01

Pelantikan ahli Lembaga Pengarah Universiti adalah berdasarkan kepada Seksyen 17 Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan [P.U. (A) 462/2010]. Komposisi ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan yang terkini adalah seperti berikut:



Pengerusi

- 01 **TAN SRI DATO' SRI HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN**
Presiden dan Ketua Eksekutif
Kumpulan
Permodalan Nasional Berhad

Ahli

- 02 **PROF. DATO' DR. MORTAZA BIN MOHAMED**
Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan
- 03 **TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH**
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
(Wakil Kementerian Kewangan)
- 04 **DATO' MAHAMED BIN HUSSAIN**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan
Kementerian Pendidikan Tinggi
(Wakil Kementerian Pendidikan Tinggi)
Sehingga 30/11/2015
- 05 **DATO' HAJI MOHD FAUZI BIN HAJI CHE MAMAT**
Setiausaha, Kerajaan Negeri Kelantan
(Wakil Yang Berpengetahuan dan Berpengalaman)
- 06 **DATO' HAFSAH BINTI HASHIM**
Ketua Pegawai Eksekutif
SME Corporation Malaysia
(Wakil Swasta)
- 07 **DATO' AHMAD PARDAS BIN SENIN**
Pengerusi
Malaysian Director's Academy (MINDA)
(Wakil Swasta)
- 08 **DATUK HAJI HANAFI BIN HAJI MAMAT**
Pengerusi Eksekutif
Wira Ukur Consultant
(Wakil Masyarakat)

Ahli Ganti

DATIN DR. SYAHIRA BINTI HAMIDON
Ketua Unit Keusahawanan
Kementerian Pengajian Tinggi

DATO'. AB. RAHMAN BIN MAT
Timbalan Pengarah Belanjawan Negara
Kementerian Kewangan Malaysia

Setiausaha

MEJ. (K) PAUZI BIN PAK CHU
Pendaftar
Universiti Malaysia Kelantan

03

06

07

08

JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI



10

08

06

04

02

01



- 01 **PROF. DATO' DR. MORTAZA BIN MOHAMED**
Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan
- 02 **PROF. DR. MOHD HASSAN BIN MOHD OSMAN**
Timbalan Naib Canselor
(Akademik Dan Antarabangsa)
- 03 **PROF. ABDUL AZIZ BIN AB. LATIF**
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni)
- 04 **PROF. DR. MOHAMAD KAMAL BIN HJ HARUN**
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)
Sehingga 15/09/2015
- 05 **MEJ. (K) PAUZI BIN PAK CHU**
Pendaftar
Universiti Malaysia Kelantan
- 06 **ENCIK MOHDYUSRI BIN AWANG**
Bendahari
Universiti Malaysia Kelantan
- 07 **ENCIK AZMAN BIN HASHIM**
Ketua Pustakawan
Universiti Malaysia Kelantan
- 08 **ENCIK NOR AZLI BIN AHAMED**
Penasihat Undang-Undang
Universiti Malaysia Kelantan
Mulai 17/12/2015
- 09 **PROF. DATO' DR. IBRAHIM BIN CHE OMAR**
Pegawai UMK Kampus Jeli /
Yang Menjalankan Tugas Timbalan
Naib Canselor
(Penyelidikan Dan Inovasi)
Mulai 16/09/2015
- 10 **PROF. ROSDI AB RAHMAN**
Penolong Naib Canselor
Pembangunan Korporat Dan
Pengurusan Kualiti
Universiti Malaysia Kelantan

AHLI SENAT UNIVERSITI

BIL	NAMA	JAWATAN
NAIB CANCELOR		
1	Prof. Dato' Dr. Mortaza Bin Mohamed	Naib Canselor (Pengerusi)
TIMBALAN NAIB CANCELOR		
2	Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Mohd. Osman	Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3	Prof. Abdul Aziz bin Ab. Latif	Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4	Prof. Dr. Mohamad Kamal bin Hj. Harun	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Sehingga 15/09/2015
DEKAN/FAKULTI/PUSAT/INSTITUT		
5	Prof. Dr. Mohd Azam Khan bin Goriman Khan	Dekan PPS
6	Prof. Dr. Sazali bin Abd Wahab	Dekan MGSEB
7	Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad	Dekan FKP
8	Prof. Dr. Abd. Hamid bin Mar Iman	Dekan FIAT
9	Prof. Madya Dr. Mohd Mokhtar Bin Arshad	Pemangku Dekan FPV
10	Prof. Dr. Ibrahim bin Busu	Dekan FSB
11	Prof. Madya Ab Aziz bin Shuaib	Dekan FTKW
12	Dr. Mohd Zain Bin Mubarak	Pemangku Pengarah, PBI
13	Prof. Dr. Wan Salihin Wong Bin Abdullah	Pengarah Pusat Pengurusan dan Jaminan Kualiti
14	Prof. Madya Dr. Suria binti Baba	Pengarah Pusat Pengajaran dan Pembelajaran
15	Prof. Dr. Mohamed Dahlan bin Ibrahim	Pengarah Institut Perusahaan Kecil Dan Sederhana (ISME)
16	En. Mohammad Nizamuddin bin Abdul Rahim	Pengarah Pusat Kokurikulum
17	Prof. Dr. Farok bin Zakaria	Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa (UHA)
PROFESOR		
18	Prof. Abdul Jamal bin Abd Hamid	Profesor FTKW
AHLI YANG DIKO-OPT OLEH NAIB CANCELOR		
19	Prof. Dato' Dr. Ibrahim bin Che Omar	Yang Menjalankan Tugas Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) / Pengarah Kampus Jeli
20	Prof. Rosdi Ab. Rahman	Penolong Naib Canselor, Pejabat Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti)
21	Prof. Madya Dr. Rosli bin Saleh	Profesor Madya FKP
22	Prof. Madya Dr. Mokhtarrudin bin Ahmad	Profesor Madya PBI
AHLI EX-OFFICIO		
23	Mej (K) Pauzi bin Pak Chu	Pendaftar / Setiausaha
24	Encik Azman bin Hashim	Ketua Pustakawan
25	Encik Mohd Yusri bin Awang	Bendahari
AHLI TURUT HADIR		
26	Tn. Hj. Mohd Nor Bin Jaafar	Pengarah, Pusat Pembangunan Infra Dan Perkhidmatan
27	Encik Mansor bin Che Din @ Noordin	Ketua Pusat Teknologi Maklumat
28	Hjh. Thana binti Hj Abdullah	Pemangku Pengarah Pusat Hal Ehwal Korporat
29	YBhg. Tan Sri Dato' Sri Mohd. Nadzmi bin Mohd Salleh	Pengerusi Eksekutif, NADICORP Holdings Sdn. Bhd
30	YBhg. Datuk Hassan bin Harun	Pengetua, Wadi Sofia International School

PENYATA KAWALAN DALAMAN DAN PENGURUSAN RISIKO

Lembaga Pengarah Universiti (LPU) komited dalam melindungi dan memastikan kepentingan Universiti terpelihara melalui pengukuhan sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko. Perkara ini direalisasikan melalui penubuhan Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Unit Audit Dalam. Ianya bertujuan memastikan objektif Universiti dapat dicapai dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Jawatankuasa Audit (JKA)

Jawatankuasa Audit yang telah ditubuhkan di bawah LPU bertanggungjawab untuk memastikan keberkesanan kawalan dalaman dan tadbir urus Universiti melalui perkara berikut :

- i. Mengkaji keberkesanan dan kemampuan sistem kawalan dalaman Universiti, mencadang dan menasihati LPU berhubung dengannya;
- ii. Mengkaji laporan daripada Juruaudit Dalam dan Luar dan memperakukan tindakan-tindakan susulan yang perlu kepada LPU dengan mengemukakan laporan kepada LPU setiap suku tahun;
- iii. Memastikan bahawa akaun disediakan dengan tepat dan pada masa yang ditetapkan dengan membuat kajian semula bagi memastikan terdapat peruntukan yang memadai terhadap tanggungan luar jangka dan hutang lapuk yang diragui;
- iv. Mengkaji dan menasihati LPU berhubung dengan maklumat prestasi secara kuantitatif di atas aktiviti yang tertakluk kepada Audit, dan perkara-perkara lain yang melibatkan tanggungjawab sebagaimana yang diputuskan oleh LPU.

Komposisi Ahli Jawatankuasa Audit Bagi Tahun 2015

BIL	NAMA	JAWATAN	TEMPOH PELANTIKAN	
			DARI	HINGGA
1	YBhg. Dato' Mahamed bin Hussain (Pengerusi)	Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan, Kementerian Pelajaran Malaysia.	02/10/2013	30/11/2015
2	YB Dato' Haji Mohd Faudzi bin Haji Che Mamat	Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.	30/06/2014	Terkini
3	YBhg. Dato' Haji Hanafi bin Haji Mamat	Pengerusi Eksekutif, Wira Ukur Consultant.	16/12/2014	Terkini

Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bagi Tahun 2015

MESYUARAT	TARIKH	TEMPAT	KEHADIRAN
Bilangan 1 Tahun 2015	15 Februari 2015	Bilik Mesyuarat Eksekutif, UMK Kampus Kota	3/3
Bilangan 2 Tahun 2015	19 Mei 2015	Kementerian Pendidikan Tinggi, Putrajaya	3/3
Bilangan 3 Tahun 2015	10 September 2015	Kementerian Pendidikan Tinggi, Putrajaya	2/3
Bilangan 4 Tahun 2015	1 Disember 2015	Kementerian Pendidikan Tinggi, Putrajaya	3/3

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti (JPRU)

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti (JPRU) telah ditubuhkan pada 15 April 2015 bagi membantu LPU dalam menyediakan rangka kerja pengurusan risiko di Universiti. Ia juga berperanan memastikan risiko-risiko utama Universiti diuruskan dengan baik bagi memastikan objektif Universiti dapat dicapai melalui peranan berikut:

- i. Mengkaji dan mengesyorkan Polisi Pengurusan Risiko yang menentukan dasar dan garis panduan utama untuk diluluskan oleh LPU.
- ii. Menyelia pengurusan risiko melalui penerimaan laporan berkala berkaitan pelaksanaan pengurusan risiko daripada Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko.
- iii. Menyemak semula profil risiko dan daftar risiko bagi memastikan risiko Universiti diuruskan dengan baik.
- iv. Menyediakan maklumat mengenai perkembangan pengurusan risiko Universiti kepada LPU.

Komposisi Ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti Bagi Tahun 2015

BIL	NAMA	JAWATAN	TEMPOH PELANTIKAN	
			DARI	HINGGA
1	YBhg. Dato' Ahmad Pardas bin Senin	Pengerusi, Malaysian Director's Academy (MINDA)	15/04/2015	Terkini
2	YBhg. Dato' Haji Hanafi bin Haji Mamat	Ketua Pegawai Eksekutif, Wira Ukur Consultant.	15/04/2015	Terkini
3	YBhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed	Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan	15/04/2015	Terkini

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti JPRU 2015

MESYUARAT	TARIKH	TEMPAT	KEHADIRAN
Bilangan 1 Tahun 2015	17 Jun 2015	Bilik Mesyuarat Eksekutif, UMK Kampus Kota	3/3
Khas	3 Ogos 2015	Bilik Mesyuarat GERIC, UMK Kuala Lumpur	3/3

Aktiviti Pengurusan Risiko Universiti

BIL	NAMA	JAWATAN
1	Taklimat Pengurusan Risiko Universiti	Bilik Mesyuarat Lembaga Senat, UMK Kampus Kota
2	Bengkel Pengurusan Risiko Universiti	Hotel Perdana, Kota Bharu.

Unit Audit Dalam (UAD)

Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan bagi membantu pihak pengurusan Universiti dalam usaha memantapkan sistem kawalan dalaman Universiti. Ianya dilakukan melalui pelaporan, pemantauan, analisis cadangan dan pandangan yang bebas terhadap pengurusan kewangan dan pengauditan yang dilaksanakan.

Unit Audit Dalam

Laporan Audit Dalam dikemukakan dan dibentangkan di mesyuarat Jawatankuasa Audit dan mesyuarat Lembaga Pengarah pada setiap tiga (3) bulan.

Inisiatif Unit Audit Dalam (UAD) Bagi Tahun 2015

Sebagai inisiatif penambahbaikan kawalan dalaman Universiti, UAD telah menjalankan aktiviti-aktiviti berikut sepanjang tahun 2015:

PENGAUDITAN

1	Pengauditan Pengurusan Kewangan di Fakulti Perubatan Veterinar (FPV)
2	Pengauditan Pengurusan Kewangan di Malaysian Graduates School of Entrepreneurship and Business (MGSEB)
3	Pengauditan terhadap aktiviti anak syarikat
4	Pengauditan Pemeriksaan Mengejut di Enam (6) PTj <ul style="list-style-type: none"> i. Pejabat Bendahari ii. Pejabat Pendaftar iii. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) iv. Pusat Pengajian Siswazah (PPS) v. Pusat Pembangunan Infra dan Perkhidmatan (PPIP) vi. Pusat Hal Ehwal Korporat (PHEK)
5	Pengauditan Ringkas – Sebut Harga di Pusat Pembangunan Infra dan Perkhidmatan (PPIP)

TAKLIMAT / KURSUS

BIL	(KERJASAMA DENGAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN, PEJABAT PENDAFTAR)	JAWATAN
1	Taklimat Perkongsian Pengurusan Perolehan	Hotel Perdana, Kota Bharu.
2	Taklimat Pengurusan Aset dan Inventori	Hotel Crown Garden, Kota Bharu.
3	Kursus Akauntabiliti Dalam Pengurusan Kewangan	Hotel Crown Garden, Kota Bharu.


Pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh dan mantap merupakan asas penting bagi mencapai objektif organisasi. Peranan pengurusan ialah memastikan pelaksanaan pengurusan risiko dan kawalan dalaman sesebuah organisasi.

Peranan audit dalam sebagai satu fungsi bebas akan melengkapkan pencapaian objektif supaya tadbir urus dapat dipertingkatkan dan prosedur kewangan serta perakaunan dipatuhi.



LAPORAN PENGERUSI

LEMBAGA
PENGARAH
UNIVERSITI





“ Saya berharap UMK akan terus bersaing dan mengharungi arus transformasi pendidikan pengajian tinggi bukan sahaja di peringkat nasional malahan antarabangsa. ”

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah segala pujian dan kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya maka penerbitan Buku Laporan Tahunan Universiti Malaysia Kelantan 2015 berjaya direalisasikan buat kali ke-9. Saya mewakili barisan ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan mengucapkan tahniah dan syabas.

Tahun 2015 menyaksikan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) terus mengorak langkah maju menyaingi serta menghadapi transformasi pendidikan tinggi negara.

Bidang pendidikan bercirikan keusahawanan terus diperhebatkan dan merupakan antara agenda utama pihak Kementerian Pendidikan Tinggi. Buktinya, pihak Kementerian telah menggubal dan melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM (PT)). PPPM (PT) menggariskan 10 lonjakan yang mengaspirasikan dan mendorong kecemerlangan berterusan dalam sistem pendidikan tinggi. Lonjakan pertama merupakan **Graduan Keusahawanan, Holistik dan Seimbang**. Matlamat lonjakan ini ialah untuk melahirkan graduan yang holistik dengan minda keusahawanan dan mempunyai nilai seimbang. Lonjakan ini dan lonjakan seterusnya menyokong lima aspirasi sistem yang memberi tumpuan kepada akses, ekuiti, kualiti, kecekapan dan perpaduan. Lonjakan-lonjakan yang lain termasuk Kecemerlangan Bakat Pendidikan Tinggi, Masyarakat yang Belajar Sepanjang Hayat,

Kualiti Graduan Teknikal dan Vokasional (TVET), Kelestarian Kewangan, Pemerkasaan Tadbir Urus, Ekosistem Inovasi, Tersohor di Peringkat Global, Pembelajaran Dalam Talian Secara Global dan Penyampaian Pendidikan Tinggi yang Ditransformasi. UMK akan menyahut cabaran ini dan kami percaya semua pihak berkepentingan yang didukung dengan sumber-sumber berkaitan, pelan ini akan dapat direalisasikan dengan jayanya.

UMK telah memulakan langkah dengan menawarkan satu program pengajian yang berorientasikan kepada *action and activity base, result oriented dan resilience* iaitu Program Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan 2 + 2. Program ini merupakan *platform* bagi melahirkan graduan usahawan. Program ini direka dengan kelainan dan kelasnya yang tersendiri melalui lima peringkat pembelajaran dan latihan sepanjang tempoh pengajian yang memakan masa sekurang-kurangnya empat tahun pengajian sepenuh masa dan enam tahun bagi pengajian separuh masa. Enam buah syarikat telah bersetuju menerima pelawaan untuk dijadikan syarikat ikon bagi program ini. Syarikat-syarikat tersebut ialah Nadicorp Holding Sdn. Bhd., Hotel Renaissance, Syarikat Perdana Ekspres, Cristal Mewah Enterprise, Hasriff Ice Sdn. Bhd. dan Ilham Zipo Auto Accessories Sdn. Bhd.

UMK turut mencipta nama sempena Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa Ke-26 (ITEX 2015) apabila berjaya merangkul dua pingat emas, sembilan pingat perak dan satu gangsa. UMK memperolehi pingat emas menerusi ciptaan *Com-Tech 2.0* dan *Creative Exercise Kit*. *Com-Tech 2.0* merupakan kaedah baharu pembiakbakaan anak benih pokok pisang. Kumpulan penyelidik terdiri daripada pensyarah Fakulti Industri



Asas Tani (FIAT) yang diketuai oleh Ahmad Yusuf Mohd Kamil, Wong Kah Fei dan Dr. Fatimah Kayat. Manakala alat senaman *Creative Exercise Kit* pula merupakan hasil kreativiti dan inovasi Muhammad Najibul Muthie Che Yaacob, pereka Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW).

UMK sedar akan keperluan untuk menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi dan sosial negeri Kelantan dan untuk memberi manfaat kepada masyarakat setempat. Kerancangan pembangunan fizikal dan bukan fizikal (sumber manusia) UMK telah menjana peluang perniagaan dan pekerjaan. Peranan UMK jelas terserlah pada pasca Banjir Kuning yang melanda negeri Kelantan pada penghujung 2014, apabila sebahagian besar bandar-bandar, pekan-pekan dan kampung-kampung ditelenggami air. UMK Kampus Kota juga turut terkesan dengan bencana tersebut apabila kehidupan 1,200 orang warga UMK telah terjejas. Walau bagaimanapun, UMK masih mampu memberikan sumbangan dan khidmat bakti kepada masyarakat tanpa dipinta, seperti peribahasa Melayu '*berat sama dijunjung, ringan sama dijinjing*'. UMK telah bertindak selaku penganjur bersama Universiti Sains Malaysia (USM) bagi Persidangan Pengurusan Banjir Negeri Kelantan 2015 : 91 Resolusi Tangani Risiko Bencana. Selain itu, UMK juga terlibat secara aktif dalam Misi Bantuan Pasca Banjir di Negeri Kelantan yang turut mendapat bantuan institusi pengajian tinggi dan pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) dalam dan luar negara.

Di samping itu, UMK juga menganjurkan pelbagai program kemasyarakatan yang merangkumi aktiviti kerohanian, fizikal dan intelektual bagi mendekatkan masyarakat setempat dengan

UMK. Antaranya, Majlis Berbuka Puasa, Eksplorasi Seni Budaya 2015, Program Bakti Siswa Institut Pengajian Tinggi Zon Timur Bersama Masyarakat 2015, Program Khidmat Komuniti Perdana : Pendidikan Teras Kemajuan Negara dan banyak lagi.

Pada 1 Januari 2015, UMK telah menerima pelantikan Naib Canselor baharu iaitu YBhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza Bin Mohamed. Kedatangan beliau ke UMK amat dialu-alukan kerana beliau pernah berkhidmat di UMK dengan menyandang jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dari tahun 2007 sehingga 2011. Besar harapan kami agar pengurusan pentadbiran UMK yang diterajui oleh beliau akan dapat meneruskan dan meningkatkan lagi usaha untuk memastikan pengoperasian Universiti dapat berjalan dengan lebih ampuh, lancar dan sistematik.

Sedekad penubuhan UMK menyaksikan pelbagai coretan yang tersendiri. Saya berharap UMK akan terus bersaing dan mengharungi arus transformasi pendidikan pengajian tinggi bukan sahaja di peringkat nasional malahan peringkat antarabangsa. Visi UMK sebagai Peneraju Pembangunan Modal Insan Bercirikan Keusahawanan Bagi Kesejahteraan Global akan terus tersemat kukuh di sanubari setiap warganya dan marilah kita sama-sama menggapai visi tersebut.

Akhir kata, TAHNIAH dan SYABAS sekali lagi kepada semua warga UMK.

Sekian.

Wabillahitaufikwalhidayah.

ACARA KEMUNCAK UNIVERSITI 2015

Pembangunan Akademik - program 2+2 dan 3+1

Perintis iCGPA - Sistem Penilaian Pelajar Baharu
Purata Nilai Gred Keseluruhan Berintegrasi

Program Pasca Banjir Bersama MPP IPTA Seluruh
Malaysia dan Baktisiswa IPT Pantai Timur Bersama
Masyarakat Desa

Karnival Pertanian, Hortikultur dan Agro-
Ekopelancongan Jeli 2015 (JAHAC'15)

Chairman Lecture Series (CLS)/ Siri Syarahan
Pengerusi

Program Jaringan Kolaborasi Jepun

Corporate Directors Training Programme (CDTP)

Pembangunan Akademik - Program 2 + 2 dan 3 + 1

Dalam memastikan program pengajian di UMK terus relevan dan berdaya saing, UMK telah mengorak langkah memperkenalkan buat julung kalinya program pengajian '2 Plus 2' yang telah dilancarkan oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh pada 19 April 2015 di UMK Kampus Kota. Program pengajian '2 Plus 2' ini akan bermula pada semester September sesi 2016/17 dengan pelajar pertama seramai 30 orang daripada Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan. Program ini adalah unik dan berbeza kerana memberi tumpuan kepada pembinaan ciri usahawan dan keusahawanan yang menggabungkan pembelajaran secara teori selama 2 tahun di universiti dan pembelajaran secara pengalaman selama 2 tahun di industri.

Pendekatan ini turut dilaksanakan melalui program perdana '3 Plus1' yang menawarkan struktur program pengajian selama tiga tahun di dalam kampus, dan selama satu tahun penglibatan dalam industri. Program bermula pada semester September sesi 2015/16 dengan seramai 45 pelajar perintis daripada Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Pelajar ini sedang ditempatkan di 15 industri teknologi kreatif seperti seni digital, reka bentuk media, tekstil fesyen dan reka bentuk perindustrian.



Perintis iCGPA - Sistem Penilaian Pelajar Baharu Purata Nilai Gred Keseluruhan Berintegrasi

Pada tahun 2015, UMK merupakan antara universiti awam yang dipilih sebagai perintis sistem penilaian pelajar baharu Purata Nilai Gred Keseluruhan Berintegrasi (iCGPA). iCGPA merujuk kepada penilaian aspek akademik dan kemahiran insaniah. Objektif iCGPA adalah untuk melahirkan graduan yang holistik, mempunyai ciri keusahawanan yang seimbang dan sesuai dengan kehendak majikan. Seramai 39 mahasiswa Fakulti Sains Bumi menjadi pelajar perintis pelaksanaan iCGPA ini.

Program Pasca Banjir Bersama MPP IPTA Seluruh Malaysia dan Baktisiswa IPT Pantai Timur Bersama Masyarakat Desa



Kejadian banjir merupakan peristiwa penting dalam lipatan sejarah negeri Kelantan. Daripada catatan, banjir ini adalah yang terburuk yang melanda Malaysia terutamanya di Kelantan kerana telah mencatat lebih 150,000 yang dipindahkan. Sehubungan dengan itu, UMK telah berfungsi sebagai pusat operasi pasca banjir yang mana bilik Gerakan Operasi atau "Base Camp" telah diwujudkan sebagai lokasi berkumpul, merancang, menyelaras serta menggerakkan misi bantuan banjir di seluruh negeri Kelantan.

UMK telah menjadi tumpuan pelbagai pihak khususnya Universiti Awam (UA) dalam dan luar negara. Antara institusi yang terlibat ialah UNIMAP, UMP, Universiti Rajabhat (Yala), Universiti Fatoni serta Universiti Prince of Songkla (PSU) Pattani dan Hat Yai yang telah berkampung di UMK bagi melaksanakan Misi Bantuan Pasca Banjir di negeri Kelantan. Di samping itu, UMK juga mengambil langkah proaktif menjalinkan kerjasama dengan



pelbagai pihak seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO) antaranya Persatuan Orang Kota Bharu (POKB) dan agensi kerajaan seperti Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Taylor's University, Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan (MAIK), Persatuan Ulama Malaysia dan sebagainya.

Program pasca banjir bersama MPP IPTA Seluruh Malaysia yang berlangsung di Kampung Laut, Tumpat dan Program Baktisiswa IPT Pantai Timur bersama masyarakat desa di Kampung Kerilla, Temangan Machang memberi kesan yang sangat bermakna kepada seluruh Universiti Awam (UA), rakyat Kelantan terutamanya mereka yang terlibat dengan banjir. Penyertaan mahasiswa dalam program yang telah dianjurkan itu merupakan platform terbaik kepada mahasiswa Universiti Awam (UA) yang menyertainya dalam menyelami sendiri perasaan dan penderitaan mangsa banjir besar 2014.

Karnival Pertanian, Hortikultur dan Agro-Ekopelancongan Jeli 2015 (JAHAC'15)

Program yang berlangsung pada 22 – 25 Oktober 2015 ini banyak memberi kesan terutamanya kepada masyarakat dan komuniti sekitar. Program yang berlangsung selama 4 hari ini memberi peluang dan ruang kepada komuniti sekitar untuk mendapatkan idea dan kepakaran pihak UMK dalam menguruskan program-program berbentuk keusahawanan, khidmat masyarakat dan sebagainya. Bukan itu sahaja, aktiviti lain yang turut memberi kesan yang terbaik kepada masyarakat ialah Minggu Alam Sekitar, Bengkel Asasi Tarian dan lain-lain lagi. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan pihak universiti bersama masyarakat malah dapat meningkatkan hubungan jaringan sosial antara komuniti dan peningkatan hasil ekonomi kawasan sekitar.



Chairman Lecture Series (CLS)/ Siri Syarahan Pengerusi



Program Chairman Lecture Series (CLS) atau Siri Syarahan Pengerusi tahun 2015 telah menegenahkan seorang tokoh yang memelopori bidang industri rangkaian jualan barangan/ produk berasaskan sukan yang juga dikenali dengan jenama Al Ikhsan, iaitu Tuan Hj. Ali Hassan bin Mohd. Hassan. Beliau merupakan pengasas kepada Al Ikhsan Sports Sendirian Berhad dan terkini telah dilantik sebagai CEO Fakulti@UMK oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

Impak

Program CLS membolehkan usahawan berjaya berkongsi ilmu dan pengalaman dalam ruang lingkup lapangan masing-masing selain merupakan pendekatan terbaik untuk meneroka idea dan seterusnya dapat diasimilasikan dalam konteks UMK sebagai Universiti berteraskan keusahawanan di negara ini. Perkongsian ini memberikan manfaat yang besar kepada warga universiti terutamanya para pelajar.

Program Jaringan Kolaborasi Jepun



Program Jaringan Kolaborasi serta lawatan kerjasama antara Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana (ISME) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bersama peserta SME@UMK ke Tokyo Japan telah disertai seramai 19 orang peserta iaitu tujuh (7) orang dari UMK dan sebelas (11) orang mewakili Persatuan SME@UMK. Peserta SME@UMK yang terpilih dalam program ini merupakan senarai merentasi tiga kumpulan di bawah Persatuan Alumni SME@UMK pada 16-19 November 2015.

Negara Jepun telah dipilih kerana ia merupakan negara timur terbaik dari perspektif penjana ekonomi. Justeru, pendedahan dirasakan wajar diberikan khasnya kepada peserta SME@UMK dan kakitangan ISME sendiri serta mereka yang terlibat membantu program SME@UMK ini agar pengalaman baik ini kelak dapat dijadikan sebagai suatu proses pembelajaran, pemacu dan motivasi untuk lebih berdaya maju. Selain itu amalan murni ini diharapkan dapat diterap/diasimilasikan bukan hanya dalam konteks perniagaan bahkan kehidupan seharian juga.

Senarai Akitiviti:

- i. Pemeteraian Surat Hasrat (Letter of Intent-Lol) antara sebelas (11) orang usahawan di bawah Persatuan SME@UMK dengan Syarikat EagleEye Co. Ltd. Japan berhubung jaringan hubungan kerjasama secara dua hala dengan mengaplikasikan kaedah serampang dua mata dan *one stop centre virtual halal hub*,
- ii. Sesi Seminar bersama antara EagleEye Co. Ltd. Japan bersama peserta/ para delegasi ISME UMK dan usahawan di bawah Persatuan SME@UMK,
- iii. Lawatan ke Advanced Technology Exhibition Hall (TEPIA) Japan,
- iv. Lawatan ke Syarikat Kotubuki Food Industry Co. Ltd. Tokyo Japan,
- v. Program Lawatan ke Soka University.

Impak

Program ini dapat membantu para usahawan SME@UMK mendapatkan peluang dan ruang untuk membawa produk mereka ke pasaran antarabangsa berdasarkan prosedur dan tatacara yang betul dan secara langsung membawa nama UMK pada produk tersebut serta meneroka idea-idea baharu sebagai pendekatan terbaik untuk diasimilasi dalam konteks UMK sebagai Universiti berteraskan keusahawanan.



Corporate Directors Training Programme (CDTP)

Program ini bertujuan untuk membangunkan pemahaman tentang konsep, ciri-ciri dan kepentingan syarikat, menggariskan peranan dan tanggungjawab komponen insan holistik dalam syarikat serta turut dilengkapi dengan pengetahuan asas daripada Triple Helix. Program ini melibatkan seramai 165 orang terdiri daripada 5 orang pengarah/wakil pelajar daripada setiap universiti di Malaysia serta 10 orang pelajar Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Pengkalan Chepa.

Impak

Program ini menjadi *platform* untuk menyediakan perkhidmatan dan perundingan kepada pelajar yang menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dan perniagaan serta memberi penjelasan secara terperinci dari segi aspek etika dan undang-undang perniagaan yang perlu diikuti oleh semua pengarah syarikat yang berdaftar.

LAPORAN
PENCAPAIAN
**PETUNJUK
PRESTASI UTAMA
(KPI)**



BIL.	PETUNJUK PRESTASI (KPI)	PENCAPAIAN	
		2014	2015
1.	Jumlah kemasukan pelajar	3,171 orang	2,273 orang
2.	Enrolmen pelajar mengikut perancangan strategik	8,818 orang	9,730 orang
3.	Enrolmen mahasiswa Ph.D (sepenuh masa dan separuh masa) dan setaraf di UA (warganegara)	138 orang	196 orang
4.	Penawaran program Pengajian	17 program	19 program
5.	Jumlah projek penyelidikan diterima	81 projek	76 projek
6.	Jumlah Keseluruhan Perolehan Dana Penyelidikan dan Perundingan	RM 4,937,396.50	RM 4,655,980.80
7.	Dana Perundingan	RM 1,344,558.00	RM3,061,109.00
8.	Bilangan anugerah penyelidikan yang diterima di peringkat kebangsaan dan antarabangsa	32	17
9.	Peratus pendapatan yang dijana IPTA	12%	28.34%
10.	Bilangan / Jumlah penerbitan oleh universiti dalam jurnal yang berindeks	94	138
11.	Bilangan harta intelek (IP) yang difailkan (termasuk <i>copyright</i> bagi penerbitan buku)	18	13





BIL.	PETUNJUK PRESTASI (KPI)	PENCAPAIAN	
		2014	2015
12.	Jumlah kumulatif sitasi dalam tempoh 5 tahun ke belakang	314	492
13.	Peratus graduan yang berstatus bekerja semasa konvokesyen.	67.2%	58.84%
14.	Bilangan siswazah / lulusan IPT menceburi bidang perniagaan selepas tamat pengajian	53	35
15.	Peratus Staf Akademik Berkelayakan PhD dan setaraf	23.55%	29.71%
16.	Peratus Peruntukan Mengurus Dibiayai Melalui Penajaan Pendapatan Sendiri bagi Universiti Awam (Universiti Bukan Penyelidikan)	5.71%	12.49%
17.	EPP#12: Menjuarai Sebagai Jenama Pendidikan Malaysia di Peringkat Antarabangsa		
	Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa	68 orang	83 orang
	Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa pasca-siswazah	58 orang	70 orang
	Bilangan staf akademik antarabangsa	45 orang	43 orang

ANALISIS PRESTASI KEWANGGAN

Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan

Pendapatan dan Perbelanjaan Universiti

Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang
(Asas Tunai)

Perolehan, Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti

Tambahan Projek dalam Kemajuan Universiti

Aset, Tanggungan dan Kumpulan Wang (Kumpulan)


Aset, Tanggungan dan Kumpulan Wang Universiti

PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN KUMPULAN

Keseluruhan pendapatan kumpulan bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM214.37 juta berbanding RM212.63 juta pada tahun 2014, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM1.74 juta atau 0.82%. Manakala keseluruhan perbelanjaan kumpulan bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM180.86 juta berbanding RM161.94 juta pada tahun 2014, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM18.92 juta atau 11.68%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan kumpulan adalah seperti dalam Jadual 1 dan Carta 1.

PERKARA/TAHUN	2015	2014	PERBEZAAN	
	RM (JUTA)	RM (JUTA)	RM (JUTA)	%
PENDAPATAN	214.37	212.63	1.74	0.82
PERBELANJAAN	180.86	161.94	18.92	11.68

Jadual 1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan




Carta 1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan

Pendapatan kumpulan yang berjumlah RM214.37 juta (2014 : RM212.63 juta) adalah merangkumi pemberian kerajaan sebanyak RM165.36 juta (2014 : RM179.92 juta), yuran pelajar sebanyak RM32.98 juta (2014 : RM25.64 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM16.03 juta (2014 : RM7.07 juta). Pemberian kerajaan merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 77.14% daripada jumlah keseluruhan pendapatan kumpulan. Perbandingan komposisi sumber pendapatan kumpulan adalah seperti Jadual 2 dan Carta 2.

PERKARA/TAHUN	2015		2014	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Pemberian Kerajaan	165.36	77.14	179.92	84.62
Yuran Pelajar	32.98	15.38	25.64	12.06
Pendapatan Lain	16.03	7.48	7.07	3.32
JUMLAH	214.37	100.00	212.63	100.00

Jadual 2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan




Carta 2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan

Perbelanjaan kumpulan yang berjumlah RM180.86 juta (2014 : RM161.94 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM48.31 juta (2014 : RM38.09 juta), perkhidmatan & bekalan sebanyak RM103.61 juta (2014 : RM101.61 juta), pemberian & kenaaan bayaran tetap sebanyak RM9.15 juta (2014 : RM5.59 juta), perbelanjaan lain RM5.04 juta (2014 : RM2.73) dan susutnilai tahunan sebanyak RM14.75 juta (2014 : RM13.92 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 57.29% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan kumpulan. Perbandingan komposisi perbelanjaan kumpulan adalah seperti Jadual 3 dan Carta 3.

PERKARA/TAHUN	2015		2014	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Emolumen	48.31	26.71	38.09	23.52
Perkhidmatan & Bekalan	103.61	57.29	101.61	62.74
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	9.15	5.06	5.59	3.45
Perbelanjaan Lain	5.04	2.79	2.73	1.69
Susutnilai Tahunan	14.75	8.15	13.92	8.60
JUMLAH	180.86	100.00	161.94	100.00

Jadual 3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan




Carta 3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan

PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN UNIVERSITI

Keseluruhan pendapatan Universiti bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM217.44 juta berbanding RM212.51 juta pada tahun 2014, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM4.93 juta atau 2.32%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Universiti bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM184.62 juta berbanding RM161.76 juta pada tahun 2014, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM22.86 juta atau 14.13%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Universiti adalah seperti dalam Jadual 4 dan Carta 4.

PERKARA/TAHUN	2015	2014	PERBEZAAN	
	RM (JUTA)	RM (JUTA)	RM (JUTA)	%
Pendapatan	217.44	212.51	4.93	2.32
Perbelanjaan	184.62	161.76	22.86	14.13

Jadual 4 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Universiti




Carta 4 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Universiti

Pendapatan Universiti yang berjumlah RM217.44 juta (2014 : RM212.51 juta) adalah merangkumi pemberian kerajaan sebanyak RM165.36 juta (2014 : RM179.92 juta), yuran pelajar sebanyak RM32.98 juta (2014 : RM25.64 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM19.10 juta (2014 : RM6.95 juta). Pemberian kerajaan merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 76.05% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Universiti. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Universiti adalah seperti Jadual 5 dan Carta 5.

PERKARA/TAHUN	2015	2014	PERBEZAAN	
	RM (JUTA)	RM (JUTA)	RM (JUTA)	%
Pemberian Kerajaan	165.36	76.05	179.92	84.66
Yuran Pelajar	32.98	15.17	25.64	12.07
Pendapatan Lain	19.10	8.78	6.95	3.27
JUMLAH	217.44	100.00	212.51	100.00

Jadual 5 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Universiti




Carta 5 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Universiti

Perbelanjaan Universiti yang berjumlah RM184.62 juta (2014 : RM161.76 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM48.31 juta (2014 : RM38.16 juta), perkhidmatan & bekalan sebanyak RM109.92 juta (2014 : RM104.24 juta), pemberian & kenaikan bayaran tetap sebanyak RM9.15 juta (2014 : RM5.58 juta), perbelanjaan lain RM3.08 juta (2014 : RM0.40 juta) dan susutnilai tahunan sebanyak RM14.16 juta (2014 : RM13.38 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 59.54% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Universiti. Perbandingan komposisi perbelanjaan Universiti adalah seperti Jadual 6 dan Carta 6.

PERKARA/TAHUN	2015		2014	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Emolumen	48.31	26.17	38.16	23.59
Perkhidmatan & Bekalan	109.92	59.54	104.24	64.44
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	9.15	4.95	5.58	3.45
Perbelanjaan Lain	3.08	1.67	0.40	0.25
Susutnilai Tahunan	14.16	7.67	13.38	8.27
JUMLAH	184.62	100.00	161.76	100.00

Jadual 6 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Universiti



Carta 6 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Universiti

PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN KUMPULAN WANG (ASAS TUNAI)


Perbelanjaan Universiti dibiayai oleh empat (4) kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Mengurus, Pembangunan, Penyelidikan dan Amanah. Pendapatan dan perbelanjaan setiap kumpulan wang mengikut asas tunai adalah sebagaimana berikut:

Kumpulan Wang Mengurus

Keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Mengurus bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM184.03 juta berbanding RM183.56 juta pada tahun 2014, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.47 juta atau 0.26%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM173.83 juta berbanding RM169.52 juta pada tahun 2014, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM4.31 juta atau 2.54%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus adalah seperti dalam Jadual 7 dan Carta 7.

PERKARA/TAHUN	2015		2014		PERBEZAAN	
	RM (JUTA)	RM (JUTA)	RM (JUTA)	RM (JUTA)	RM (JUTA)	%
Pendapatan	184.03	183.56	0.47	0.26		
Perbelanjaan	173.83	169.52	4.31	2.54		

Jadual 7 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus




Carta 7 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus

Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus yang berjumlah RM184.03 juta (2014 : RM183.56 juta) adalah merangkumi pemberian kerajaan sebanyak RM149.07 juta (2014 : RM161.47 juta), yuran pelajar sebanyak RM23.45 juta (2014 : RM18.64 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM11.51 juta (2014 : RM3.45 juta). Pemberian kerajaan merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 81.00% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Mengurus. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Mengurus adalah seperti Jadual 8 dan Carta 8.

PERKARA/TAHUN	2015		2014	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Pemberian Kerajaan	149.07	81.00	161.47	87.97
Yuran Pelajar	23.45	12.74	18.64	10.15
Pendapatan Lain	11.51	6.26	3.45	1.88
JUMLAH	184.03	100.00	183.56	100.00

Jadual 8 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus




Carta 8 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus

Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus yang berjumlah RM173.83 juta (2014 : RM169.52 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM48.30 juta (2014 : RM38.13 juta), perkhidmatan & bekalan sebanyak RM100.54 juta (2014 : RM97.26 juta), pemberian & kenaaan bayaran tetap sebanyak RM3.92 juta (2014 : RM2.52 juta), perolehan hartanah, loji & peralatan RM5.83 juta (2014 : RM8.60 juta), bayaran projek dalam kemajuan RM13.13 juta (2014 : RM22.66 juta) dan perbelanjaan lain RM2.11 juta (2014 : RM0.35 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 57.84% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus adalah seperti Jadual 9 dan Carta 9.

PERKARA/TAHUN	2015		2014	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Emolumen	48.30	27.79	38.13	22.49
Perkhidmatan & Bekalan	100.54	57.84	97.26	57.37
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	3.92	2.26	2.52	1.49
Hartanah, Loji & Peralatan	5.83	3.35	8.60	5.07
Projek Dalam Kemajuan	13.13	7.55	22.66	13.37
Perbelanjaan Lain	2.11	1.21	0.35	0.21
JUMLAH	173.83	100.00	169.52	100.00

Jadual 9 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus




Carta 9 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus

Kumpulan Wang Pembangunan

Keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM130.18 juta berbanding RM73.09 juta pada tahun 2014, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM57.09 juta atau 78.11%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM39.46 juta berbanding RM15.61 juta pada tahun 2014, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM23.85 juta atau 152.79%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti dalam Jadual 10 dan Carta 10.

PERKARA/TAHUN	2015	2014	PERBEZAAN	
	RM (JUTA)	RM (JUTA)	RM (JUTA)	%
Pendapatan	130.18	73.09	57.09	78.11
Perbelanjaan	39.46	15.61	23.85	152.79

Jadual 10 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan




Carta 10 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan

Pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan yang berjumlah RM130.18 juta (2014 : RM73.09 juta) adalah merangkumi pemberian kerajaan sebanyak RM130.04 juta (2014 : RM73.03 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM0.14 juta (2014 : RM0.06 juta). Pemberian kerajaan yang berjumlah RM130.04 juta (2014 : RM73.03 juta) adalah peruntukan bagi Development Expenditure (DE). Pemberian kerajaan merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 99.89% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti Jadual 11 dan Carta 11.

PERKARA/TAHUN	2015		2014	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Pendapatan	130.04	99.89	73.03	99.92
Perbelanjaan	0.14	0.11	0.06	0.08
JUMLAH	130.18	100.00	73.09	100.00

Jadual 11 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan




Carta 11 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Penyelidikan

Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan yang berjumlah RM39.46 juta (2014 : RM15.61 juta) adalah merangkumi perkhidmatan & bekalan sebanyak RM2.18 juta (2014 : RM0.14 juta), perolehan hartanah, loji & peralatan RM3.82 juta (2014 : RM7.02 juta), bayaran projek dalam kemajuan RM32.51 juta (2014 : RM7.45 juta) dan perbelanjaan lain RM0.95 juta (2014 : Tiada). Tiada perbelanjaan bagi pemberian & kenaikan bayaran tetap pada tahun 2015 (2014 : RM1.00 Juta). Perbelanjaan ke atas projek dalam kemajuan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 82.39% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti Jadual 12 dan Carta 12.

PERKARA/TAHUN	2015		2014	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Perkhidmatan & Bekalan	2.18	5.52	0.14	0.90
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	-	-	1.00	6.41
Hartanah, Loji & Peralatan	3.82	9.68	7.02	44.97
Projek Dalam Kemajuan	32.51	82.39	7.45	47.72
Perbelanjaan Lain	0.95	2.41	-	-
JUMLAH	39.46	100.00	15.61	100.00

Jadual 12 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan




Carta 12 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan

Keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM4.04 juta berbanding RM7.93 juta pada tahun 2014, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM3.89 juta atau 49.05%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM4.76 juta berbanding RM2.13 juta pada tahun 2014, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM2.63 juta atau 123.47%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan adalah seperti dalam Jadual 13 dan Carta 13.

PERKARA/TAHUN	2015	2014	PERBEZAAN	
	RM (JUTA)	RM (JUTA)	RM (JUTA)	%
Pendapatan	4.04	7.93	(3.89)	(49.05)
Perbelanjaan	4.76	2.13	2.63	123.47

Jadual 13 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan




Carta 13 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan

Pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan yang berjumlah RM4.04 juta (2014 : RM7.93 juta) adalah merangkumi pemberian kerajaan sahaja. Pemberian kerajaan bagi Kumpulan Wang Penyelidikan adalah terdiri daripada peruntukan penyelidikan untuk Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) sebanyak RM2.07 juta (2014 : RM1.57 juta), Knowledge Transfer Programme Grant (KTPG) sebanyak RM0.53 juta (2014 : RM0.17 juta) dan Research Acculturation Grant Scheme (RAGS) sebanyak RM0.37 juta (2014 : RM1.90 juta).

Peruntukan penyelidikan bagi Prototype Research Grant Scheme (PRGS) yang berjumlah RM0.37 juta, Malaysian Research Assessment (MYRA) yang berjumlah RM0.55 juta dan Public Private Research Network (PPRN) sebanyak RM0.15 juta merupakan skim penyelidikan yang hanya diterima pada tahun 2015. Pada tahun 2015 juga, tiada peruntukan penyelidikan diterima bagi Research Acculturation Collaboration Effort (RACE) (2014 : RM0.52 juta) dan Long Term Research Grant Scheme (LRGS) (2014 : RM3.77 juta). Peruntukan penyelidikan FRGS merupakan peruntukan penyelidikan yang terbesar iaitu 51.24% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan adalah seperti Jadual 14 dan Carta 14.

PERKARA/TAHUN	2015		2014	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Pemberian Kerajaan - FRGS	2.07	51.24	1.57	19.80
Pemberian Kerajaan - KTPG	0.53	13.12	0.17	2.14
Pemberian Kerajaan - RACE	-	-	0.52	6.56
Pemberian Kerajaan - LRGS	-	-	3.77	47.54
Pemberian Kerajaan - RAGS	0.37	9.16	1.90	23.96
Pemberian Kerajaan - PRGS	0.37	9.16	-	-
Pemberian Kerajaan - MYRA	0.55	13.61	-	-
Pemberian Kerajaan - PPRN	0.15	3.71	-	-
JUMLAH	4.04	100.00	7.93	100.00

Jadual 14 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan




Carta 14 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan

Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan yang berjumlah RM4.76 juta (2014 : RM2.13 juta) adalah merangkumi perkhidmatan & bekalan sebanyak RM2.56 juta (2014 : RM1.50 juta) dan pemberian & kenaaan bayaran tetap sebanyak RM2.20 juta (2014 : RM0.45 juta). Tiada perolehan hartanah, loji & peralatan pada tahun 2015 (2014 : RM0.18 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 53.78% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan adalah seperti Jadual 15 dan Carta 15.

PERKARA/TAHUN	2015		2014	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Perkhidmatan & Bekalan	2.56	53.78	1.50	70.42
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	2.20	46.22	0.45	21.13
Hartanah, Loji & Peralatan	-	-	0.18	8.45
JUMLAH	4.76	100.00	2.13	100.00

Jadual 15 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan




Carta 15 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan

Kumpulan Wang Amanah

Keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Amanah bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM19.51 juta berbanding RM13.97 juta pada tahun 2014, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM5.54 juta atau 39.66%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM7.97 juta berbanding RM7.08 juta pada tahun 2014, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.89 juta atau 12.57%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah adalah seperti dalam Jadual 16 dan Carta 16.

PERKARA/TAHUN	2015	2014	PERBEZAAN	
	RM (JUTA)	RM (JUTA)	RM (JUTA)	%
Pendapatan	19.51	13.97	5.54	39.66
Perbelanjaan	7.97	7.08	0.89	12.57

Jadual 16 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah




Carta 16 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah

Pendapatan Kumpulan Wang Amanah yang berjumlah RM19.51 juta (2014 : RM13.97 juta) adalah merangkumi pemberian kerajaan sebanyak RM2.53 juta (2014 : RM3.53 juta), yuran pelajar sebanyak RM9.53 juta (2014 : RM7.00 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM7.45 juta (2014 : RM3.44 juta). Yuran pelajar merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 48.85% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Amanah. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Amanah adalah seperti Jadual 17 dan Carta 17.

PERKARA/TAHUN	2015		2014	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Pemberian Kerajaan	2.53	12.97	3.53	25.27
Yuran Pelajar	9.53	48.85	7.00	50.11
Pendapatan Lain	7.45	38.18	3.44	24.62
JUMLAH	19.51	100.00	13.97	100.00

Jadual 17 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Amanah




Carta 17 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Amanah

Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah yang berjumlah RM7.97 juta (2014 : RM7.08 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM0.01 juta (2014 : RM0.03 juta), perkhidmatan & bekalan sebanyak RM4.63 juta (2014 : RM5.34 juta), pemberian & kenaikan bayaran tetap sebanyak RM3.02 juta (2014 : RM1.62 juta), perolehan hartanah, loji & peralatan RM0.28 juta (2014 : RM0.05 juta) dan perbelanjaan lain RM0.03 juta (2014 : RM0.04 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 58.09% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah adalah seperti Jadual 18 dan Carta 18.

PERKARA/TAHUN	2015		2014	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Emolumen	0.01	0.13	0.03	0.42
Perkhidmatan & Bekalan	4.63	58.09	5.34	75.42
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	3.02	37.89	1.62	22.88
Hartanah, Loji & Peralatan	0.28	3.51	0.05	0.71
Perbelanjaan Lain	0.03	0.38	0.04	0.57
JUMLAH	7.97	100.00	7.08	100.00

Jadual 18 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah




Carta 18 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah

PEROLEHAN HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN UNIVERSITI

Jumlah perolehan hartanah, loji & peralatan Universiti bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM9.93 juta berbanding RM15.85 juta pada tahun 2014, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM5.92 juta atau 37.35%. Perolehan hartanah, loji & peralatan Universiti adalah merangkumi perolehan hartanah, loji & peralatan bagi Kumpulan Wang Mengurus sebanyak RM5.83 juta (2014 : RM8.60 juta). Manakala perolehan hartanah, loji & peralatan bagi Kumpulan Wang Pembangunan dan Amanah masing-masing berjumlah RM3.82 juta (2014 : RM7.02 juta) dan RM0.28 juta (2014 : RM0.05 juta). Tiada perolehan hartanah, loji & peralatan bagi Kumpulan Wang Penyelidikan pada tahun 2015 (2014 : RM0.18 juta). Perbandingan komposisi perolehan hartanah, loji & peralatan Universiti mengikut kumpulan wang adalah seperti Jadual 19 dan Carta 19.

PERKARA/TAHUN	2015		2014	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Kumpulan Wang Mengurus	5.83	58.71	8.60	54.26
Kumpulan Wang Pembangunan	3.82	38.47	7.02	44.29
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	-	0.18	1.14
Kumpulan Wang Amanah	0.28	2.82	0.05	0.31
JUMLAH	9.93	100.00	15.85	100.00

Jadual 19 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti (Kumpulan Wang)




Carta 19 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti (Kumpulan Wang)

Jumlah perolehan hartanah, loji & peralatan Universiti terdiri daripada perolehan bangunan & pembaikan bangunan berjumlah RM1.30 juta (2014 : RM4.95 juta), kemudahan & pembaikan kemudahan berjumlah RM0.55 juta (2014 : RM1.27 juta), kenderaan & jentera berjumlah RM0.93 juta (2014 : RM1.31 juta) serta alat kelengkapan berjumlah RM7.15 juta (2014 : RM8.32 juta). Perbandingan komposisi perolehan hartanah, loji & peralatan Universiti mengikut kategori adalah seperti Jadual 20 dan Carta 20.

PERKARA/TAHUN	2015		2014	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Bangunan & Pembaikan Bangunan	1.30	13.09	4.95	31.23
Kemudahan & Pembaikan Kemudahan	0.55	5.54	1.27	8.01
Kenderaan & Jentera	0.93	9.37	1.31	8.27
Alat Kelengkapan	7.15	72.00	8.32	52.49
JUMLAH	9.93	100.00	15.85	100.00

Jadual 20 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti (Kategori)




Carta 20 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti (Kategori)

TAMBAHAN PROJEK DALAM KEMAJUAN UNIVERSITI

Bayaran projek dalam kemajuan universiti adalah sebanyak RM45.64 juta berbanding RM30.11 juta pada tahun 2014, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM15.53 juta atau 51.58%. Bayaran projek dalam kemajuan universiti merangkumi bayaran daripada Kumpulan Wang Mengurus sebanyak RM13.13 juta (2014 : RM22.66 juta) dan Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM32.51 juta (2014 : RM7.45 juta). Jumlah projek dalam kemajuan yang diklasifikasikan ke hartanah, loji & peralatan adalah sebanyak RM29.30 juta (2014 : RM5.47 juta) bagi Kumpulan Wang Mengurus. Manakala bagi Kumpulan Wang Pembangunan adalah sebanyak RM4.31 juta (2014 : Tiada). Perbandingan komposisi tambahan projek dalam kemajuan adalah seperti Jadual 21 dan Carta 21.


PERKARA/TAHUN	2015		2014	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Kumpulan Wang Mengurus	13.13	28.77	22.66	75.26
Kumpulan Wang Pembangunan	32.51	71.23	7.45	24.74
JUMLAH	45.64	100.00	30.11	100.00

Jadual 21 : Perbandingan Komposisi Tambahan Projek Dalam Kemajuan Universiti



28.77%
KUMPULAN WANG MENGURUS

71.23
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN



75.26%
KUMPULAN WANG MENGURUS

24.74%
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Carta 21 : Perbandingan Komposisi Tambahan Projek Dalam Kemajuan Universiti

ASET, TANGGUNGAN DAN KUMPULAN WANG (KUMPULAN)

Keseluruhan aset kumpulan bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM747.40 juta berbanding RM601.21 juta pada tahun 2014, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM146.19 juta atau 24.32%. Aset kumpulan yang berjumlah RM747.40 juta (2014 : RM601.21 juta) adalah merangkumi hartanah, loji & peralatan sebanyak RM291.19 juta (2014 : RM262.50 juta), projek dalam kemajuan sebanyak RM82.14 juta (2014 : RM72.37 juta), pinjaman kakitangan sebanyak RM0.26 juta (2014 : RM0.31 juta) dan aset semasa sebanyak RM373.81 juta (2014 : RM266.02 juta). Tiada aset cukai tertunda pada tahun 2015 (2014 : RM0.01 juta).

Manakala keseluruhan tanggungan kumpulan bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM41.32 juta berbanding RM48.52 juta pada tahun 2014, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM7.20 juta atau 14.84%. Tanggungan kumpulan yang berjumlah RM41.32 juta (2014 : RM48.52 juta) adalah merangkumi tanggungan semasa sebanyak RM11.55 juta (2014 : RM17.86 juta) dan tanggungan jangka panjang sebanyak RM29.77 juta (2014 : RM30.66 juta).


Jumlah rizab tunai kumpulan bagi tahun 2015 yang merangkumi tunai di tangan dan di bank serta simpanan tetap adalah sebanyak RM364.48 juta berbanding RM261.23 juta pada tahun 2014. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM103.25 juta iaitu 39.53%.

PERKARA/TAHUN	2015		2014	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Kumpulan Wang Mengurus	186.32	25.59	157.73	27.88
Kumpulan Wang Pembangunan	442.95	60.84	322.49	57.00
Kumpulan Wang Penyelidikan	15.43	2.12	15.94	2.82
Kumpulan Wang Amanah	65.35	8.98	56.08	9.91
Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan	7.00	0.96	7.00	1.23
Kerugian Terkumpul Anak Syarikat	(10.97)	1.51	(6.55)	1.16
JUMLAH	706.08	100.00	552.69	100.00

Jadual 22 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Kumpulan)

Jumlah aset bersih kumpulan bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM706.08 juta berbanding RM552.69 juta pada tahun 2014. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM153.39 juta iaitu 27.75%.

Keseluruhan aset dan tanggungan kumpulan diwakili oleh enam (6) Kumpulan Wang seperti Jadual 22 dan Carta 22.



Carta 22 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Kumpulan)

ASET, TANGGUNGAN DAN KUMPULAN WANG (UNIVERSITI)

Keseluruhan aset Universiti bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM713.60 juta berbanding RM566.57 juta pada tahun 2014, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM147.03 juta atau 25.95%. Aset Universiti yang berjumlah RM713.60 juta (2014 : RM566.57 juta) adalah merangkumi hartanah, loji & peralatan sebanyak RM256.77 juta (2014 : RM227.77 juta), pelaburan dalam anak syarikat sebanyak RM1.50 juta (2014 : RM1.50 juta), projek dalam kemajuan sebanyak RM82.14 juta (2014 : RM72.38 juta), pinjaman kakitangan sebanyak RM0.26 juta (2014 : RM0.31 juta) dan aset semasa sebanyak RM372.93 juta (2014 : RM264.61 juta).

Manakala keseluruhan tanggungan Universiti bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM9.27 juta berbanding RM15.34 juta pada tahun 2014, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM6.07 juta atau 39.57%. Tanggungan Universiti yang berjumlah RM9.27 juta (2014 : RM15.34 juta) adalah merangkumi tanggungan semasa sebanyak RM6.45 juta (2014 : RM13.03 juta) dan tanggungan jangka panjang sebanyak RM2.82 juta (2014 : RM2.31 juta).


Jumlah rizab tunai universiti bagi tahun 2015 yang merangkumi tunai di tangan dan di bank serta simpanan tetap adalah sebanyak RM355.18 juta berbanding RM253.97 juta pada tahun 2014. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM101.21 juta iaitu 39.85%.

Jumlah aset bersih Universiti bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM704.33 juta berbanding RM551.23 juta pada tahun 2014. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM153.10 juta iaitu 27.77%.

Keseluruhan aset dan tanggungan Universiti diwakili oleh lima (5) Kumpulan Wang seperti Jadual 23 dan Carta 23.

PERKARA/TAHUN	2015		2014	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Kumpulan Wang Mengurus	170.61	24.22	149.72	27.16
Kumpulan Wang Pembangunan	442.95	62.89	322.49	58.50
Kumpulan Wang Penyelidikan	15.43	2.19	15.94	2.89
Kumpulan Wang Amanah	68.34	9.70	56.08	10.18
Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan	7.00	1.00	7.00	1.27
JUMLAH	704.33	100.00	551.23	100.00

Jadual 23 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Universiti)



Carta 23 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Universiti)

RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN UMK BAGI TEMPOH 5 TAHUN

PERKARA/TAHUN	2015	2014	2013	2012	2011
	RM				
LEMBARAN IMBANGAN					
Aset Bukan Semasa	340,667,563	301,957,926	270,156,647	258,701,100	226,133,930
Aset Semasa	372,928,374	264,609,624	170,259,001	112,713,758	106,461,815
Liabiliti Bukan Semasa	2,817,001	2,305,775	2,105,603	1,431,649	810,734
Liabiliti Semasa	6,448,885	13,035,726	3,120,897	3,549,935	3,113,976
Dana dan Rezab	704,330,051	551,226,049	435,189,148	366,433,274	328,671,035
Nilai Pelaburan dalam Anak Syarikat	1,499,998	1,499,998	1,499,998	1,499,998	2
PENYATA PENDAPATAN					
Pemberian Kerajaan : Geran Mengurus	149,067,316	161,472,478	146,535,487	89,100,000	69,291,972
Pemberian Kerajaan : Geran Pembangunan	9,721,373	6,986,576	6,625,873	4,179,645	1,682,218
Pemberian Kerajaan : Geran Penyelidikan	4,039,655	7,925,448	8,907,539	1,370,933	623,400
Pemberian Kerajaan : Geran Amanah	2,531,500	3,532,410	5,542,933	9,181,069	-
Yuran Pelajar	32,980,892	25,636,645	17,457,146	11,076,772	3,602,416
Pendapatan Lain	19,098,415	6,950,799	4,593,574	2,301,983	1,265,615
Jumlah Pendapatan	217,439,151	212,504,356	189,662,552	117,210,402	76,465,621
Jumlah Perbelanjaan	184,621,339	161,759,180	129,261,292	103,979,396	69,249,060
Lebih bersih pendapatan	32,817,812	50,745,176	60,401,260	13,231,006	7,216,561
PAPARAN PENYATA ALIRAN TUNAI					
Tunai di tangan dan tunai di bank	28,830,332	53,926,384	61,731,338	64,514,733	61,919,891
Simpanan Tetap	326,348,471	200,048,978	99,142,768	43,875,553	40,758,827
Pendapatan Sebelum Cukai	32,817,812	50,745,176	60,401,260	13,231,006	7,216,561
PAPARAN NISBAH KEWANGAN					
Nisbah Semasa	57.83	20.30	54.55	31.75	34.19
Nisbah Hutang	0.01	0.03	0.01	0.01	0.01
Nisbah Hutang kepada Dana & Rezab Kerajaan	0.01	0.03	0.01	0.01	0.01
Nisbah Pulangan ke atas Dana & Rezab Kerajaan	0.05	0.09	0.14	0.04	0.02
Margin Keuntungan Bersih	15.09	23.88	31.85	11.29	9.44
Modal Kerja	366,479,489	251,573,898	167,138,104	109,163,823	103,347,839

PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT

Laporan Ketua Audit Negara

Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Pengakuan oleh Pegawai Utama

Lembaran Imbangan

Penyata Pendapatan

Penyata Perubahan Ekuiti

Penyata Aliran Tunai

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi

bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat


Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi syarikat subsidiarinya yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.



(NORLIZA BINTI NORDIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
9 MEI 2016



PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, TAN SRI DATO' SRI HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN dan PROF. DATO' DR. MORTAZA BIN MOHAMED, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN pada 31 Disember 2015 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



.....
NAMA : **Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman**
GELARAN : Pengerusi Lembaga
TARIKH : **05 MAY 2016**
TEMPAT : Kota Bharu, Kelantan


Bagi pihak Lembaga




.....
NAMA : **Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed**
GELARAN : Naib Canselor
TARIKH : **05 MAY 2016**
TEMPAT : Kota Bharu, Kelantan

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Saya MOHD YUSRI BIN AWANG, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)	
diakui oleh Penama di atas)	
di (tempat).....KOTA BHARU.....)	MOHD YUSRI BIN AWANG
pada03 MAY 2016.....)	No. K/P : 690803-03-5241

Di hadapan saya,



No.F2, Tingkat 1,
Hadapan Wisma Persekutuan
Jalan Bayam
15200 Kota Bharu Kelantan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2015

	Nota	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	4	291,182,982	262,498,027	256,765,040	227,774,111
PELABURAN DALAM ANAK SYARIKAT	5	-	-	1,499,998	1,499,998
PROJEK DALAM KEMAJUAN	6	82,143,670	72,374,307	82,143,670	72,374,307
PINJAMAN KAKITANGAN	7	258,855	309,510	258,855	309,510
ASET CUKAI TERTUNDA	17	-	9,805	-	-
ASET SEMASA					
Inventori	8	1,260	-	-	-
Penghutang	9	5,989,675	1,741,048	9,382,860	5,190,684
Deposit dan Pelbagai Penghutang	10	3,335,193	3,043,578	8,366,711	5,443,578
Simpanan Tetap	11	332,348,471	200,048,978	326,348,471	200,048,978
Tunai di Tangan dan di Bank	12	32,134,132	61,182,783	28,830,332	53,926,384
JUMLAH ASET SEMASA		373,808,731	266,016,387	372,928,374	264,609,624
LIABILITI SEMASA					
Pemiutang	13	170,712	8,360,008	30,508	8,327,276
Deposit dan Pelbagai Pemiutang	14	5,389,364	4,123,642	5,148,910	4,004,626
Manfaat Pekerja	15	1,269,467	703,824	1,269,467	703,824
Pinjaman	16	4,716,610	4,666,886	-	-
JUMLAH LIABILITI SEMASA		11,546,153	17,854,360	6,448,885	13,035,726
ASET SEMASA BERSIH		362,262,578	248,162,027	366,479,489	251,573,898
		735,848,085	583,353,676	707,147,052	553,531,824
DIBIYAI OLEH:					
Kumpulan Wang Mengurus	18	186,320,472	157,731,649	170,605,677	149,720,089
Kumpulan Wang Pembangunan	19	442,946,274	322,491,303	442,946,274	322,491,303
Kumpulan Wang Penyelidikan	20	15,433,317	15,933,159	15,433,317	15,933,159
Kumpulan Wang Amanah	21	65,346,583	56,081,498	68,344,783	56,081,498
Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan	22	7,000,000	7,000,000	7,000,000	7,000,000
Kerugian Terkumpul Anak Syarikat	23	(10,974,593)	(6,545,124)	-	-
		706,072,053	552,692,485	704,330,051	551,226,049
Kepentingan Minoriti		2	2	-	-
		706,072,055	552,692,487	704,330,051	551,226,049
LIABILITI JANGKA PANJANG					
Manfaat Pekerja	15	2,817,001	2,305,775	2,817,001	2,305,775
Pinjaman	16	20,123,923	28,355,414	-	-
Liabiliti Cukai Tertunda	17	6,835,106	-	-	-
JUMLAH LIABILITI JANGKA PANJANG		29,776,030	30,661,189	2,817,001	2,305,775
		735,848,085	583,353,676	707,147,052	553,531,824

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Nota	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
PENDAPATAN					
Pemberian Kerajaan	24	165,359,844	179,916,912	165,359,844	179,916,912
Yuran Pelajar	25	32,980,892	25,636,645	32,980,892	25,636,645
Pendapatan Lain	26	16,030,519	7,073,419	19,098,415	6,950,799
JUMLAH PENDAPATAN		214,371,255	212,626,976	217,439,151	212,504,356
PERBELANJAAN					
Emolumen		48,312,670	38,089,060	48,310,487	38,161,157
Perkhidmatan dan Bekalan		103,606,983	101,608,306	109,921,395	104,238,577
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		9,150,918	5,583,541	9,144,918	5,582,041
Perbelanjaan Lain		5,039,681	2,732,410	3,083,832	397,066
Susutnilai Tahunan		14,753,082	13,922,345	14,160,707	13,380,339
JUMLAH PERBELANJAAN		180,863,334	161,935,662	184,621,339	161,759,180
LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI		33,507,921	50,691,314	32,817,812	50,745,176
Percukaian	27	(414,543)	(92,049)	-	-
LEBIHAN PENDAPATAN SELEPAS CUKAI		33,093,378	50,599,265	32,817,812	50,745,176

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	KUMPULAN 2015							
	Mengurus RM	Pembangunan RM	Kumpulan Wang Penyelidikan RM	Amanah RM	Pinjaman Kakitangan RM	Kerugian Terkumpul Anak Syarikat RM	Kepentingan Minoriti RM	Jumlah RM
Baki Pada 1 Januari	157,731,649	322,491,303	15,933,159	56,081,498	7,000,000	(6,545,124)	2	552,692,487
Pelarasan tahun lepas	(833,818)	-	246,421	556,960	-	-	-	(30,437)
Seperti yang dinyatakan semula	156,897,831	322,491,303	16,179,580	56,638,458	7,000,000	(6,545,124)	2	552,662,050
Lebihan/(Kurangan) bagi tahun	29,422,641	138,344	(746,263)	8,708,125	-	(4,429,469)	-	33,093,378
186,320,472	322,629,647	15,433,317	65,346,583	7,000,000	(10,974,593)	2	585,755,428	
Geran Kerajaan Tertunda								
Perubahan dalam tahun semasa	-	120,316,627	-	-	-	-	-	120,316,627
Baki Pada 31 Disember	186,320,472	442,946,274	15,433,317	65,346,583	7,000,000	(10,974,593)	2	706,072,055
	KUMPULAN 2014							
	Mengurus RM	Pembangunan RM	Kumpulan Wang Penyelidikan RM	Amanah RM	Pinjaman Kakitangan RM	Kerugian Terkumpul Anak Syarikat RM	Kepentingan Minoriti RM	Jumlah RM
Baki Pada 1 Januari	117,704,051	255,385,265	9,807,020	49,492,812	7,000,000	(2,587,077)	2	436,802,073
Pelarasan tahun lepas	(1,684,373)	1,000,000	194,726	(252,052)	-	(576,000)	-	(752,275)
Seperti yang dinyatakan semula	116,019,678	256,385,265	10,001,746	49,230,760	7,000,000	(2,587,653)	2	436,049,798
Lebihan/(Kurangan) bagi tahun	41,711,971	62,614	5,931,413	6,850,738	-	(3,957,471)	-	50,599,265
157,731,649	256,447,879	15,933,159	56,081,498	7,000,000	(6,545,124)	2	486,649,063	
Geran Kerajaan Tertunda								
Perubahan dalam tahun semasa	-	66,043,424	-	-	-	-	-	66,043,424
Baki Pada 31 Disember	157,731,649	322,491,303	15,933,159	56,081,498	7,000,000	(6,545,124)	2	552,692,487

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

UNIVERSITI 2015	Mengurus RM	Pembangunan RM	Kumpulan Wang Penyelidikan RM	Amanah RM	Pinjaman Kakitangan RM	Kerugian Terkumpul Anak Syarikat RM	Kepentingan Minoriti RM	Jumlah RM
Baki Pada 1 Januari	149,720,089	322,491,303	15,933,159	56,081,498	7,000,000	-	-	551,226,049
Pelarasan tahun lepas	(833,818)	-	246,421	556,960	-	-	-	(30,437)
Seperti yang dinyatakan semula	148,886,271	322,491,303	16,179,580	56,638,458	7,000,000	-	-	551,195,612
Lebihan/(Kurangan) bagi tahun	21,719,406	138,344	(746,263)	11,706,325	-	-	-	32,817,812
170,605,677	322,629,647	15,433,317	68,344,783	7,000,000	-	-	-	584,013,424
Geran Kerajaan Tertunda								
Perubahan dalam tahun semasa	-	120,316,627	-	-	-	-	-	120,316,627
Baki Pada 31 Disember	170,605,677	442,946,274	15,433,317	68,344,783	7,000,000	-	-	704,330,051
2014								
Baki Pada 1 Januari	113,504,051	255,385,265	9,807,020	49,492,812	7,000,000	-	-	435,189,148
Pelarasan tahun lepas	(1,684,373)	1,000,000	194,726	(262,052)	-	-	-	(751,699)
Seperti yang dinyatakan semula	111,819,678	256,385,265	10,001,746	49,230,760	7,000,000	-	-	434,437,449
Lebihan bagi tahun	37,900,411	62,614	5,931,413	6,850,738	-	-	-	50,745,176
149,720,089	256,447,879	15,933,159	56,081,498	7,000,000	-	-	-	485,182,625
Geran Kerajaan Tertunda								
Perubahan dalam tahun semasa	-	66,043,424	-	-	-	-	-	66,043,424
Baki Pada 31 Disember	149,720,089	322,491,303	15,933,159	56,081,498	7,000,000	-	-	551,226,049

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI				
Lebih pendapatan sebelum cukai	33,507,921	50,691,314	32,817,812	50,745,176
<u>Pelarasan untuk:</u>				
Susutnilai tahunan	14,753,082	13,922,345	14,160,707	13,380,339
Peruntukan hutang ragu	107,861	10,021	107,861	10,021
Peruntukan manfaat pekerja	1,465,689	1,078,048	1,465,689	1,078,048
Kerugian atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	-	12,734	-	12,734
Pelarasan projek dalam kemajuan tahun lepas ke perbelanjaan tahun semasa	72,140	178,740	72,140	178,740
Geran pembangunan yang direalisasikan	(9,721,373)	(6,986,576)	(9,721,373)	(6,986,576)
Keuntungan atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	-	(28,999)	-	(28,999)
Hasil atas jualan hartanah, loji dan peralatan	-	(29,000)	-	(29,000)
Pelarasan perbelanjaan tahun lepas	-	(1,886)	-	(1,886)
Hapus kira hartanah, loji dan peralatan	404,907	-	404,907	-
Percukaian	168,529	92,049	-	-
Keuntungan bank	1,903,373	2,296,293	-	-
Lebih Pendapatan Sebelum Perubahan Modal Kerja	42,662,129	61,235,083	39,307,743	58,358,597
<u>(Tambahan)/Kurangan dalam</u>				
- Inventori	1,260	14,880	-	-
- Penghutang	1,107,420	443,779	(2,441,217)	(1,496,171)
- Deposit dan pelbagai penghutang	2,745,349	(114,704)	(3,023,133)	(114,704)
<u>Tambahan/(Kurangan) dalam</u>				
- Pemiutang	(9,809,605)	8,102,406	(8,301,228)	7,746,766
- Deposit dan pelbagai pemiutang	(2,807,372)	2,184,982	1,613,238	2,190,055
Tunai Bersih Dihasilkan Dari Aktiviti Operasi	33,899,181	71,866,426	27,155,403	66,684,543
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN				
Belian hartanah, loji dan peralatan	(10,215,281)	(15,994,776)	(9,928,880)	(15,853,940)
Hasil atas jualan hartanah, loji dan peralatan	-	29,000	-	29,000
Projek dalam kemajuan	(45,638,132)	(30,109,200)	(45,638,132)	(30,109,200)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan	(55,853,413)	(46,074,976)	(55,567,012)	(45,934,140)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Geran pembangunan diterima	130,038,000	73,030,000	130,038,000	73,030,000
Pembayaran manfaat pekerja	(422,950)	(679,147)	(422,950)	(679,147)
Pinjaman	(4,409,976)	(4,779,651)	-	-
Tunai Bersih Dihasilkan Dari Aktiviti Pembiayaan	125,205,074	67,571,202	129,615,050	72,350,853
Tambahan Bersih Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai	103,250,842	93,362,652	101,203,441	93,101,256
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	261,231,761	167,869,109	253,975,362	160,874,106
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	364,482,603	261,231,761	355,178,803	253,975,362
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Terdiri Daripada:				
Tunai di tangan dan di bank	32,134,132	61,182,783	28,830,332	53,926,384
Simpanan tetap	332,348,471	200,048,978	326,348,471	200,048,978
	364,482,603	261,231,761	355,178,803	253,975,362

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015****1. MAKLUMAT UMUM****a. Penubuhan**

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) merupakan Universiti awam yang ke-19, diperbadankan pada 1 September 2006 dan diwartakan pada 7 Disember 2006 [P.U.415 (A)]. UMK ditubuhkan dengan visi sebagai Peneraju Pembangunan Modal Insan Bercirikan Keusahawanan Bagi Kesejahteraan Global. Objektif utama Universiti adalah menyediakan kursus pengajian dan latihan dengan memberi penekanan kepada penghayatan ciri-ciri keusahawanan dan pembangunan insaniah merentasi ko-kurikulum.

b. Aktiviti Utama

UMK adalah sebuah Universiti yang mengkhusus Keusahawanan sebagai teras.

c. Bilangan Staf

Bilangan staf UMK pada akhir tahun kewangan 2015 adalah seramai 1,209 orang (2014 : 1,047 orang) yang terdiri daripada staf tetap/pinjaman seramai 686 orang (2014 : 601 orang) dan staf sementara/kontrak seramai 523 orang (2014 : 446 orang).

d. Bilangan Pelajar

Pengambilan pelajar bagi sesi 2015/2016 adalah seramai 2,325 orang dan jumlah enrolmen sehingga 31 Disember 2015 adalah seramai 9,731 orang (2014 : 8,897 orang).

e. Pembentangan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 5 Mei 2016.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Instrumen kewangan Kumpulan dan Universiti bergantung kepada kepelbagaian risiko kewangan termasuk risiko kadar faedah, risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan dan aliran tunai.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

Objektif pengurusan risiko kewangan Kumpulan dan Universiti adalah untuk mengenal pasti dan kawalan risiko yang terdedah kepada Kumpulan dan Universiti bagi meminimumkan atau mengelak kerugian kesan daripada risiko tersebut serta memaksimumkan pulangan dan mengekalkan keufuhan kewangan Universiti.

Pihak Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menangani risiko tersebut dengan menyediakan polisi serta prosedur untuk menguruskannya. Risiko-risiko tersebut diuruskan dengan cara sentiasa menyemak keadaan risiko semasa, sistem kawalan dalaman, mematuhi polisi risiko kewangan dan mendapatkan perlindungan insurans di mana perlu.

a. Risiko Kadar Faedah

Kumpulan memperoleh kemudahan kewangan melalui kemudahan kredit yang diperolehi pada kadar faedah yang berpatutan. Lebihan dana ditempatkan di institusi kewangan yang bereputasi dengan kadar faedah yang bersesuaian. Pelaburan jangka pendek adalah melalui simpanan tetap di syarikat kewangan berlesen.

b. Risiko Pasaran

Kumpulan terdedah kepada risiko pasaran yang timbul akibat daripada perubahan-perubahan dalam harga ekuiti tersiar. Kumpulan tidak menggunakan instrumen derivatif untuk mengawal ekuiti tersiar.

c. Risiko Kredit

Risiko kredit wujud bila sesuatu pendahuluan, sewaan atau yuran/caj yang dikenakan dibuat secara kredit. Risiko kredit dikawal dan diuruskan dengan membuat penilaian dan pemantauan baki kredit bagi setiap penghutang.

d. Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Risiko kecairan dan aliran tunai adalah terkawal kerana Pengurusan Kumpulan dan Universiti sentiasa memastikan bahawa aliran tunai mencukupi bagi membiayai perbelanjaan operasi dan pembangunan.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

a. Asas Penyediaan

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti telah disediakan mengikut konvensyen kos asal (sejarah) dan menurut Piawai Perakaunan diluluskan MASB di Malaysia untuk Entiti Persendirian.

b. Asas Penyatuan Akaun

Mulai tahun 2011, Akaun Kumpulan meliputi kesemua Kumpulan Wang Universiti dan anak syarikat yang disediakan pada setiap akhir tahun kewangan. Semua baki, urusniaga, pendapatan dan perbelanjaan daripada urusniaga dalam Kumpulan telah dihapuskan sepenuhnya semasa penyatuan dan yang akan disatukan mengambil kira urusniaga luaran sahaja.

c. Pelaburan Dalam Anak Syarikat

Anak syarikat adalah sebuah syarikat di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal dasar kewangan dan operasi syarikat tersebut bagi memperoleh manfaat daripada aktiviti. Pelaburan dalam anak syarikat dinyatakan pada kos ditolak peruntukan rosotnilai, jika ada.

d. Pengiktirafan Pendapatan

- i. Geran Kerajaan bagi Kumpulan Wang Mengurus diakaunkan berdasarkan asas tunai dan dinyatakan dalam Penyata Pendapatan.
- ii. Geran Kerajaan bagi Kumpulan Wang Pembangunan yang diterima untuk membiayai kos projek modal pembangunan diakaunkan ke akaun geran kerajaan tertunda dan akan dilunaskan mengikut belanja susutnilai projek yang telah disiapkan dan aset yang dibeli serta belanja operasi yang tidak dimodalkan. (MASB 31)
- iii. Pendapatan yuran pelajar adalah berasaskan akruan dan diiktiraf apabila pelajar mendaftar dalam tahun berkenaan.
- iv. Geran Kerajaan untuk projek-projek penyelidikan diakaunkan di dalam Kumpulan Wang Penyelidikan.
- v. Pendapatan faedah ke atas simpanan tetap dari institusi kewangan berlesen diakaunkan mengikut konsep akruan kecuali keuntungan atas simpanan tetap melalui skim Tawarruq, Mudharabah, *General Investment Account (GIA)* dan *Islamic Fixed Deposit (IFD-i)* diiktiraf berdasarkan asas tunai mengikut tarikh matang.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

d. Pengiktirafan Pendapatan (samb.)

- vi. Faedah simpanan tetap daripada tabung amanah akan diagihkan sebagai pendapatan tabung-tabung amanah berkenaan, sekiranya pelaburan dibuat daripada peruntukan tabung amanah tersebut. Bagi pelaburan simpanan tetap yang lain, pendapatan diambil kira dalam Penyata Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus.
- vii. Faedah dari pinjaman kenderaan dan komputer diiktiraf sebagai hasil dan dinyatakan dalam Penyata Pendapatan.

e. Pengiktirafan Perbelanjaan

Kriteria bagi pengiktirafan semua perbelanjaan adalah seperti berikut:

i. Perolehan barangan dan perkhidmatan

Bagi barangan atau perkhidmatan yang telah diterima serta dokumen-dokumen berikut telah diterima oleh Universiti Malaysia Kelantan pada atau sebelum 31 Disember dalam tahun semasa:

- a. Waran perbelanjaan yang telah diluluskan.
- b. Pesanan Jabatan/Kerja/LO yang telah dikeluarkan.
- c. Borang Perakuan Penerimaan Barang atau Borang Pengesahan Kerja/Perkhidmatan telah diluluskan.
- d. Bil atau invoice daripada syarikat.

ii. Tuntutan-tuntutan lain

Bagi tuntutan-tuntutan lain yang telah disahkan dan diterima pada atau sebelum 31 Disember dalam tahun semasa.

f. Peruntukan Hutang Ragu

Peruntukan umum sebanyak 2.5% dibuat bagi hutang ragu berdasarkan kepada penyemakan akhir tahun ke atas baki akaun penghutang selepas mengambil kira amaun yang dihapuskan. Akaun penghutang dinyatakan pada nilai yang telah diambil kira selepas peruntukan hutang ragu.

g. Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Universiti mempunyai obligasi semasa yang sah dan konstruktif kesan daripada peristiwa sebelum, apabila terdapat kemungkinan aliran tunai keluar daripada sumber-sumber yang merangkumi manfaat ekonomi yang diperlukan untuk melangsaikan tanggungan yang mana anggaran terhadap amaun obligasi dapat dibuat dengan munasabah.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

h. Hartanah, Loji dan Peralatan

- i. Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai dan ditakrifkan sebagai barang-barang tak luak yang mempunyai tempoh penggunaan ekonomik yang lebih daripada 12 bulan yang bernilai RM3,000 atau lebih setiap satu.
- ii. Bagi alat kelengkapan, pembelian yang bernilai RM3,000 atau lebih setiap satu dikelaskan sebagai perbelanjaan aset tetap.
- iii. Bagi pembelian langsir, permaidani, bidai dan pengadang, pinggan mangkuk dan buku tanpa mengambil kira kos pembelian dikelaskan sebagai perbelanjaan bukan harta modal/aset tetap.
- iv. Susutnilai adalah berasaskan kaedah garis lurus ke atas anggaran hayat kegunaan aset tetap berkenaan.
- v. Kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah sebagaimana yang digariskan di dalam MASB iaitu berdasarkan 'economical useful life' sesuatu aset tetap antaranya seperti berikut:

	Kumpulan	Universiti
Bangunan dan pembaikan bangunan	2 – 10%	2%
Kemudahan dan pembaikan kemudahan	5%	5%
Kenderaan dan jentera	20%	20%
Alat kelengkapan	20%	20%

i. Projek Dalam Kemajuan

Kerja-kerja dalam kemajuan meliputi projek pembinaan bangunan dan infrastruktur yang sedang didirikan dan lain-lain aset yang belum disempurnakan. Susutnilai tidak dikenakan ke atas kerja-kerja dalam kemajuan. Kos pembinaan akan dipindahkan ke dalam aset tetap apabila Sijil Perakuan Tamat Kerja dikeluarkan. Sebarang bayaran tambahan akan dicaj terus kepada aset berkenaan dalam tahun berkenaan.

j. Perbelanjaan tanah dan pembangunan

Kos tanah yang dipegang untuk pembangunan serta perbelanjaan pembangunan berkaitan dibawa ke hadapan pada kos campur keuntungan terakru ke tahap penyediaan yang bersesuaian tolak bayaran kemajuan dan peruntukan kerugian boleh jangka. Perbelanjaan pembangunan meliputi kos pembinaan dan lain-lain kos pembangunan berkaitan termasuk kos faedah dan overhead pentadbiran berkaitan projek.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

k. Pelan Caruman Tetap

UMK membuat caruman kepada KWSP bagi pekerja yang memilih faedah KWSP atau Tabung Amanah Pencen Kerajaan bagi staf yang telah diletakkan dalam skim pencen dan sumbangan tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan apabila perbelanjaan dilakukan.

l. Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. UMK telah mengakaunkan bayaran ganjaran cuti rehat bagi pekerja tetap yang akan bersara pada tahun berikutnya serta bayaran pampasan bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada tahun berikutnya sebagai liabiliti manfaat jangka pendek.

m. Manfaat Pekerja Jangka Panjang

UMK menerima pakai keperluan MASP 29 iaitu manfaat pekerja jangka panjang. Bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam Penyata Pendapatan tahun semasa sebagai perbelanjaan manfaat pekerja di dalam Lembaran Imbangan sebagai liabiliti dan dikenali sebagai manfaat pekerja jangka panjang.

Jenis manfaat jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat untuk pekerja tetap yang telah mencapai umur 48 tahun dengan andaian seseorang pekerja akan mengumpulkan cuti tahunannya sebanyak 15 hari setahun sehingga mencapai maksima 150 hari semasa ianya bersara. Kadar gaji semasa telah digunakan untuk mengira amaun liabiliti tersebut.

n. Manfaat Perberhentian

Manfaat pemberhentian pekerja diiktiraf hanya selepas persetujuan wakil pekerja atas syarat-syarat lebihan yang telah ditetapkan atau selepas seseorang pekerja telah dimaklumkan mengenai syarat-syarat tersebut.

o. Polisi bagi Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada wang tunai di tangan, baki di bank dan simpanan tetap.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

p. Cukai Pendapatan dan Cukai Tertunda

i. Universiti

UMK telah dikecualikan daripada cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah Perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967.

ii. Kumpulan

Cukai tertunda disertakan, di bawah kaedah liabiliti bagi semua perbezaan masa melainkan jika terdapat indikasi bahawa perbezaan masa tersebut tidak dapat ditarik balik pada jangka masa hadapan. Faedah cukai tertunda hanya diiktiraf jika terdapat jangkaan munasabah ke atas realisasinya.

q. Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST)

Pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. Sebagai Universiti Awam yang menyediakan perkhidmatan pendidikan, skop pembekalan UMK adalah pembekalan dikecualikan dan boleh dirujuk dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) 2014 P.U(A)271. Implikasi kepada UMK adalah seperti berikut:

i. Cukai Output

Perkhidmatan Pendidikan seperti yuran pengajian, yuran asrama dan perkhidmatan pentadbiran yang berkaitan dengan pembekalan pendidikan adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Perkhidmatan bukan pendidikan contohnya seperti penganjuran seminar atau sewaan ruang niaga adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%).

ii. Perintah Relief

Universiti Awam tidak membayar GST untuk perolehan bekalan berkaitan pendidikan kerana pembekal tidak mengenakan GST terhadap perolehan barang terpilih yang mendapat perintah relif di bawah pendidikan.

iii. Cukai Input

UMK menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan berkaitan dengan pendidikan. UMK boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar standard 6% (cukai output).

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

r. Dasar Kemerosotan Nilai Aset

Nilai aset yang dibawa disemak pada tarikh Lembaran Imbangan untuk menentukan samada terdapat tanda-tanda kemerosotan. Jikalau wujud tanda-tanda demikian, nilai aset dijangka dapat diperolehi dianggarkan. Nilai dijangka dapat diperolehi merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai diguna, yang diukur berasaskan aliran tunai yang dijangka didiskaunkan. Kerugian kemerosotan dicajkan terus kepada Penyata Pendapatan. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam nilai dijangka dapat diperolehi diiktirafkan sebagai keterbalikan kerugian kemerosotan terdahulu dan diiktirafkan setakat nilai aset dibawa yang akan ditentukan (selepas susutnilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian kemerosotan diiktirafkan sebelum ini.

s. Instrumen kewangan

Instrumen kewangan yang dinyatakan di lembaran imbangan adalah termasuk tunai dan baki di bank, penghutang dan pemiutang. Kaedah pengiktirafan yang digunapakai bagi setiap item dinyatakan di penyata polisi perakaunan tersendiri. Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai liabiliti atau ekuiti berdasarkan dengan intipati pada perbelanjaan yang dikontrakkan. Faedah, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai liabiliti akan dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pembahagian kepada pemegang institusi kewangan yang diklasifikasikan sebagai ekuiti akan dicaj secara terus kepada ekuiti. Institusi kewangan diimbang apabila Kumpulan dan Universiti mempunyai hak penguatkuasaan sah untuk mengimbang amaun yang diiktiraf dan bercadang samada untuk menyelesaikan berdasarkan asas bersih atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Kos				Susutnilai				Nilai Buku Baki Pada 31.12.2015 RM
	Baki Pada 01.01.2015 RM	Pindahan/ Tambahan RM	Pelupusan/ Pelarasan RM	Baki Pada 31.12.2015 RM	Baki Pada 01.01.2015 RM	Pindahan/ Tambahan RM	Pelupusan/ Pelarasan RM	Baki Pada 31.12.2015 RM	
KUMPULAN (2015)									
<u>Kumpulan Wang Mengurus</u>									
Bangunan & Pembaikan Bangunan	13,226,256	28,080,031	-	41,306,287	454,794	469,783	(53,436)	871,141	40,435,146
Kemudahan & Pembaikan Kemudahan	9,713,996	869,074	-	10,583,070	1,547,282	498,130	53,436	2,098,848	8,484,222
Kenderaan & Jentera	8,905,736	809,283	-	9,715,019	6,622,384	736,654	-	7,359,038	2,355,981
Alat Kelengkapan	34,001,952	5,372,650	(1,725,916)	37,648,686	21,660,641	5,732,887	(1,333,806)	26,059,722	11,588,964
	65,847,940	35,131,038	(1,725,916)	99,253,062	30,285,101	7,437,454	(1,333,806)	36,388,749	62,864,313
<u>Kumpulan Wang Pembangunan</u>									
Bangunan & Pembaikan Bangunan	172,521,374	4,407,841	-	176,929,215	11,829,130	3,520,950	-	15,350,080	161,579,135
Kemudahan & Pembaikan Kemudahan	31,881,387	339,133	-	32,220,520	5,400,634	1,639,445	82	7,040,161	25,180,359
Alat Kelengkapan	5,552,862	3,388,590	-	8,941,452	1,146,965	1,433,203	(82)	2,580,086	6,361,366
	209,955,623	8,135,564	-	218,091,187	18,376,729	6,593,598	-	24,970,327	193,120,860
<u>Kumpulan Wang Penyelidikan</u>									
Bangunan & Pembaikan Bangunan	169,955	-	-	169,955	11,326	3,399	-	14,725	155,230
Kemudahan & Pembaikan Kemudahan	-	-	-	-	1,600	-	(1,600)	-	-
Kenderaan & Jentera	12,500	-	-	12,500	10,833	1,666	-	12,499	1
Alat Kelengkapan	163,969	-	-	163,969	111,691	19,912	182	131,785	32,184
	346,424	-	-	346,424	135,450	24,977	(1,418)	159,009	187,415
<u>Kumpulan Wang Amanah</u>									
Bangunan & Pembaikan Bangunan	198,435	-	-	198,435	8,329	3,969	-	12,298	186,137
Kemudahan & Pembaikan Kemudahan	44,380	150,754	-	195,134	315	14,418	1,600	16,333	178,801
Kenderaan & Jentera	-	115,100	-	115,100	-	4,796	-	4,796	110,304
Alat Kelengkapan	419,653	11,290	-	430,943	232,420	81,495	(182)	313,733	117,210
	662,468	277,144	-	939,612	241,064	104,678	1,418	347,160	592,452
<u>Anak Syarikat</u>									
Tanah	9,478,400	-	-	9,478,400	-	-	-	-	9,478,400
Bangunan & Pembaikan Bangunan	25,609,102	146,503	-	25,755,605	512,182	526,832	-	1,039,014	24,716,591
Alat Kelengkapan	187,816	139,898	-	327,714	39,220	65,543	-	104,763	222,951
	35,275,318	286,401	-	35,561,719	551,402	592,375	-	1,143,777	34,417,942
Jumlah Keseluruhan	312,087,773	43,830,147	(1,725,916)	354,192,004	49,589,746	14,753,082	(1,333,806)	63,009,022	291,182,982

* Termasuk di dalam tambahan hartanah, loji dan peralatan adalah merupakan pindahan daripada projek dalam kemajuan yang telah siap dalam tahun semasa sebagaimana berikut:

RM
29,300,313
4,314,553
33,614,866

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

UNIVERSITI (2015)	Kos			Susutnilai			Nilai Buku Baki Pada 31.12.2015 RM
	Baki Pada 01.01.2015 RM	Pindahan/ Tambahan RM	Pelupusan/ Pelarasan RM	Baki Pada 31.12.2015 RM	Pindahan/ Tambahan RM	Pelupusan/ Pelarasan RM	
Kumpulan Wang Mengurus							
Bangunan & Pembaikan Bangunan	13,226,256	28,080,031	-	41,306,287	469,783	(53,436)	871,141
Kemudahan & Pembaikan Kemudahan	9,713,996	869,074	-	10,583,070	498,130	53,436	2,098,848
Kenderaan & Jentera	8,905,736	809,283	-	9,715,019	736,654	-	7,359,038
Alat Kelengkapan	34,001,952	5,372,650	(1,725,916)	37,648,686	5,732,887	(1,333,806)	26,059,722
	65,847,940	35,131,038	(1,725,916)	99,253,062	7,437,454	(1,333,806)	36,388,749
Kumpulan Wang Pembangunan							
Bangunan & Pembaikan Bangunan	172,521,374	4,407,841	-	176,929,215	3,520,950	-	15,350,080
Kemudahan & Pembaikan Kemudahan	31,881,387	339,133	-	32,220,520	1,639,445	82	7,040,161
Alat Kelengkapan	5,552,862	3,388,590	-	8,941,452	1,433,203	(82)	2,580,086
	209,955,623	8,135,564	-	218,091,187	6,593,598	-	24,970,327
Kumpulan Wang Penyelidikan							
Bangunan & Pembaikan Bangunan	169,955	-	-	169,955	3,399	-	14,725
Kemudahan & Pembaikan Kemudahan	-	-	-	-	-	(1,600)	-
Kenderaan & Jentera	12,500	-	-	12,500	1,666	-	12,499
Alat Kelengkapan	163,969	-	-	163,969	19,912	182	131,785
	346,424	-	-	346,424	24,977	(1,418)	159,009
Kumpulan Wang Amanah							
Bangunan & Pembaikan Bangunan	198,435	-	-	198,435	3,969	-	12,298
Kemudahan & Pembaikan Kemudahan	44,380	150,754	-	195,134	14,418	1,600	16,333
Kenderaan & Jentera	-	115,100	-	115,100	4,796	-	4,796
Alat Kelengkapan	419,653	11,290	-	430,943	81,495	(182)	313,733
	662,468	277,144	-	939,612	104,678	1,418	347,160
Jumlah Keseluruhan	276,812,455	43,543,746	(1,725,916)	318,630,285	14,160,707	(1,333,806)	61,865,245
				241,064	104,678	1,418	347,160
				49,038,344	14,160,707	(1,333,806)	61,865,245
							592,452
							256,765,040

* Termasuk di dalam tambahan hartanah, loji dan peralatan adalah merupakan pindahan daripada projek dalam kemajuan yang telah siap dalam tahun semasa sebagaimana berikut:

	RM
Kumpulan Wang Mengurus	29,300,313
Kumpulan Wang Pembangunan	4,314,553
	33,614,866

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

	Kos				Susutnilai				Nilai Buku Baki Pada 31.12.2014 RM
	Baki Pada 01.01.2014 RM	Pindahan/ Tambahan RM	Pelupusan/ Pelarasan RM	Baki Pada 31.12.2014 RM	Baki Pada 01.01.2014 RM	Pindahan/ Tambahan RM	Pelupusan/ Pelarasan RM	Baki Pada 31.12.2014 RM	
KUMPULAN (2014)									
Kumpulan Wang Mengurus									
Bangunan & Pembaikan Bangunan	7,080,014	6,146,242	-	13,226,256	273,842	217,362	(36,410)	454,794	12,771,462
Kemudahan & Pembaikan Kemudahan	8,295,224	1,418,772	-	9,713,996	1,062,563	447,715	37,004	1,547,282	8,166,714
Kenderaan & Jentera	7,655,750	1,309,413	(59,427)	8,905,736	5,853,032	829,372	(60,020)	6,622,384	2,283,352
Alat Kelengkapan	29,923,332	5,196,638	(1,118,018)	34,001,952	14,959,912	5,906,456	794,273	21,660,641	12,341,311
	52,954,320	14,071,065	(1,177,445)	65,847,940	22,149,349	7,400,905	734,847	30,285,101	35,562,839
Kumpulan Wang Pembangunan									
Bangunan & Pembaikan Bangunan	169,251,661	3,269,713	-	172,521,374	8,427,531	3,401,599	-	11,829,130	160,692,244
Kemudahan & Pembaikan Kemudahan	31,800,871	80,516	-	31,881,387	3,807,726	1,585,567	7,341	5,400,634	26,480,753
Alat Kelengkapan	1,880,593	3,672,269	-	5,552,862	294,515	859,791	(7,341)	1,146,965	4,405,897
	202,933,125	7,022,498	-	209,955,623	12,529,772	5,846,957	-	18,376,729	191,578,894
Kumpulan Wang Penyelidikan									
Bangunan & Pembaikan Bangunan	-	169,955	-	169,955	-	11,326	-	11,326	158,629
Kemudahan & Pembaikan Kemudahan	-	-	-	-	-	1,600	-	1,600	(1,600)
Bahagian Perundangan dan Governans terlibat di dalam penggubalan statut dan Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Kelantan (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2015. Ianya dalam tindakan BP&G untuk dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk tindakan lanjut pihak mereka untuk dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk semakan sebelum ianya diwartakan. BP&G juga telah terlibat dalam proses menyemak dan menambahbaik Garis Panduan Tadbir Urus Lembaga Pengarah dan Garis Panduan Tadbir Urus Senat UMK.

Penyediaan surat niat, memorandum persefahaman, perjanjian dan peraturan Universiti adalah berdasarkan kepada keperluan pusat tanggungjawab dan Universiti. Ianya perlu disediakan mengikut peruntukan undang-undang yang berkaitan bagi mematuhi skop dan bidang kuasa yang diperuntukan oleh Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan [P.U (A) 462/2010] dan peraturan lain yang berkaitan demi mencapai visi dan misi Universiti.




Carta 27 : Perbandingan Bilangan Surat Niat (LoI), Memorandum Persefahaman (MoU) dan Perjanjian (MoA) pada tahun 2014 dan 2015

PENYELIDIKAN & INOVASI

Penyelidikan dan inovasi merupakan salah satu daripada fungsi asas sesebuah universiti kerana ianya mempunyai perkaitan rapat dengan komponen akademik dalam pemindahan kepakaran dan ilmu kepada industri dan komuniti. Bagi membudayakan aktiviti tersebut dalam kalangan staf, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak universiti sama ada di peringkat universiti mahupun di peringkat pusat tanggungjawab.


Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah berjaya memperoleh 76 geran penyelidikan dengan jumlah keseluruhan geran sebanyak RM4,655,980.80 pada tahun 2015 yang diterima daripada sumber dalaman, agensi kerajaan, agensi swasta dan agensi antarabangsa.



Carta 28: Sumber Dana Penyelidikan

Dana Penyelidikan Luar

Pada tahun 2015, UMK telah mencatatkan peningkatan dalam penerimaan dana penyelidikan luar (antarabangsa dan swasta) berbanding pada tiga tahun sebelumnya dengan peratus peningkatan sebanyak 36% berbanding pencapaian pada tahun 2014. Jumlah keseluruhan dana penyelidikan antarabangsa yang diperolehi oleh UMK pada tahun 2015 adalah sebanyak RM455,993.80 yang diperolehi melalui penyelidikan kontrak dalam bidang keusahawanan dan pertanian.




Carta 30: Jumlah Dana Penyelidikan Luar

Penulisan Ilmiah

Penerbitan dalam Jurnal Berindeks


Pada tahun 2015, UMK telah menerbitkan sebanyak 138 penulisan ilmiah dalam jurnal berindeks oleh Scopus dan Web of Knowledge (ISI/SSCI) dalam pelbagai kategori penerbitan iaitu peningkatan sebanyak 46.81% berbanding pencapaian penerbitan pada tahun 2014.



Carta 29: Bilangan Penerbitan dalam Jurnal Berimpak

Perundingan

Pada tahun 2015, UMK telah mencatat peningkatan dalam penerimaan dana perundingan yang berjumlah RM3,061,109 berbanding jumlah perundingan yang diterima pada tiga tahun sebelumnya dan merupakan penerimaan tertinggi dalam tempoh empat tahun tersebut.



Rajah 8 : Jumlah Dana Perundingan



Penjana Pendapatan Melalui Perkhidmatan

UMK telah mencatat peratus penjana pendapatan sebanyak 17.37% pada tahun 2015 berbanding 16% pada tahun 2014. Peningkatan peratus pendapatan ini selaras dengan inisiatif pihak universiti dalam usaha meningkatkan kerjasama industri, penawaran program pascasiswazah (Mod Kerja Kursus) dan peningkatan dalam penganjuran seminar / persidangan akademik oleh fakulti.

Anugerah penyelidikan

Berbanding tahun 2014, UMK telah mencatat penurunan sebanyak 46.88% dalam penerimaan anugerah dalam pameran dan persidangan penyelidikan yang disertai pada tahun 2015. Faktor penurunan ini adalah kerana UMK hanya menyertai dua persidangan penyelidikan sahaja berbanding empat persidangan penyelidikan pada tahun 2014. Jumlah keseluruhan pingat yang dimenangi pada tahun 2015 adalah sebanyak 17 pingat untuk pelbagai kategori.

CORM NURSERY TECHNIQUE (version 2.0) FOR MASS PROPAGATION OF BANANA SEEDLINGS [Corm-Tech v2.0]
 AHMAD YUSUF, M.K., SUHAIMI, O., FATMAH, K. and WONG, K.F.
 Faculty of Agro-Based Industry
 Universiti Malaysia Kelantan, Jeli Campus

CORM-TECH (ACCREDITED)
 LEADING-EDGE
 On-farm Nursery
 Mass Propagation
 Preferred Planting Material

TECHNOLOGY IMPROVEMENTS
 CORM-fert
 Foliar fertilizer application
 Mist nozzle
 Controlled timing
 CORM-shad
 Adjustable shading height
 and light intensity
 Learning Clips - Technology
 REDUCES NURSERY PERIOD

CORM-TECH v2.0
 PATENT PENDING

PROPA-Tech-Sys

COMPARATIVE BENEFITS


NURSERY TECHNIQUE	PROPAGATION PERIOD (WEEKS)	COST PER SEEDLING (RM)	BENEFITS
IN VITRO (TISSUE CULTURE)	12	2.00	SPECIALIZED LAB COST?
NOVEL NURSERY TECHNIQUE (2013)	7	1.50	SUPPLIER NURSERY Logistics
CONVENTIONAL Water/Crown suckers	9	2.00	QUALITY ASSURANCE Supplier-dependent Non-uniformity
Corm Technology Corm-Tech (2014)	5	2.00	GROWER NURSERY Supplier-Independent
Corm-Tech v2.0	1	1.50	MULTIPLE CYCLES MECH. & AUTOMATION

NOVELTY
 Multiple cycle mass pro-
 Precision propagation
 (To apply for IP)

COMMERCIAL POTENTIAL
 UMK → TRANSFER OF TECHNOLOGY
 Entrepreneurship development for
 commercial production of banana
 planting material
 Labour saving and Cost saving
 GREEN TECHNOLOGY
 Agro-waste recycled inputs

IDEA → INNOVATION → ENTREPRENEURSHIP

www.umk.edu.my



Carta 31: Pencapaian Anugerah Penyelidikan

Harta Intelek dan Pengkomersialan

UMK menyedari kepentingan aktiviti pengkomersialan bagi produk penyelidikan universiti untuk menyumbang kepada pemanfaatan ilmiah kepada komuniti dan penjana pendapatan sendiri selaras dengan hasrat Kementerian. Justeru itu, UMK meneruskan penghasilan produk dan pada tahun 2015 UMK mempunyai satu harta intelek dalam kategori cap dagangan dan telah melaksanakan aktiviti pra-pengkomersialan bagi beberapa produk penyelidikan bagi produk yang telah berdaftar pada tahun-tahun sebelum ini. Aktiviti ini melibatkan beberapa agensi dan industri dan masih diteruskan bagi mencapai hasrat universiti untuk mempunyai sekurang-kurangnya satu produk yang dikomersialkan pada tahun 2016.

PEMBANGUNAN PELAJAR

Penerapan Nilai dan Atribut Keusahawanan dalam Aktiviti Pelajar

Sebagai usaha melahirkan graduan usahawan (*enterprising graduates*) dan usahawan graduan (*graduate entrepreneurs*), UMK tidak hanya menitikberatkan akademik semata-mata tetapi turut menekankan aspek pembangunan sahsiah pelajar. Universiti sentiasa memberikan sepenuh komitmen dalam usaha menerapkan nilai dan atribut keusahawanan dalam kalangan

pelajar selaras dengan cogan kata dan moto universiti iaitu "*Entrepreneurship is Our Thrust*" dan *Transformative * Entrepreneurial * Excellence*.

Semua aktiviti dan program pembangunan pelajar dilaksanakan untuk menjelmakan nilai-nilai keusahawanan seperti berani mengambil risiko, kreatif dan inovatif, berilmu pengetahuan, kepimpinan,

kemahiran keusahawanan dan kompetensi, kemahiran komunikasi, kerja berpasukan, beretika, pencapaian tinggi dan lain-lain.

Antara program utama pelajar bagi tahun 2015 yang memberikan impak besar dan menjadi tumpuan adalah seperti berikut :

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
TERAS KEUSAHAWANAN			
1	<i>Fund Raising</i>	20 Mei 2015	UMK Kampus Kota
2	<i>Fund Race</i>	16 September 2015	UMK Kampus Kota
3	Pesta Konvokesyen UMK 2015	3 – 7 Disember 2015	Dataran Kolej Kediaman Kampus Kota
TERAS KESUKARELAWAN			
1	Program Pasca Banjir Bersama MPP IPTA Seluruh Malaysia	18 Januari 2015	Kampung Laut, Tumpat, Kelantan
2	Merintis Perpaduan	24 April 2015	KB Mall, Kota Bharu
3	<i>Kemumin's Day</i>	16 Mei 2015	Kolej Kediaman Sri Kemumin
4	Baktiswara IPT Pantai Timur Bersama Masyarakat Desa	21 – 23 Mei 2015	Kg. Kerilla, Temangan Machang
5	Hari Haiwan Kesayangan dan Usahawan Ternak	31 Mei 2015	Dewan Keusahawanan Kampus Kota
6	Iftar Perdana Menyambut Ramadhan	18 Jun 2015	Dataran Kolej Kediaman Kampus Kota
7	Hari Mesra Mahasiswa	18 – 19 September 2015	UMK Kampus Kota
8	<i>Step to Thausand</i>	29 Oktober – 3 November 2015	Universiti Malaysia Sabah dan Kota Belud, Sabah
TERAS PENGUCAPAN AWAM			
1	<i>UT Mara National Novice Debating Championship 2015</i>	20 – 22 Mac 2015	UiTM Shah Alam
2	Pertandingan Debat DiRaja	8 – 13 Mei 2015	UMP
3	<i>Seri Iskandar Debate Open (SIDE0) 2015</i>	30 Julai – 1 Ogos 2015	UTP
4	Pertandingan Debat Maal Hijrah 2015	16 – 18 Oktober 2015	UIA
5	Pidato Alam Lestari Antara Institusi Pengajian Tinggi Awam Piala Menteri KPKT 2015	26 – 28 November 2015	UKM



BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
TERAS KEPIMPINAN			
1	Pendakian Gunung Stong dan Pemantapan Diri Askar Wataniah	21 – 24 Februari 2015	Gunung Stong
2	<i>Team Building PEMADAM</i>	19 – 21 Mac 2015	Peladang Agro Setiu Resort, Terengganu
3	Aspirasi Kemerdekaan dan Rukun Negara	26 – 28 Mac 2015	UUM
4	<i>Permai Art Festival</i>	21 – 23 Mei 2015	UMK Kampus Bachok
5	Gen AI- Fateh	29 – 30 Mei 2015	Peladang Agro Setiu Resort, Terengganu
6	Kursus Pemantapan Organisasi Jawatankuasa Pengurusan Kolej Kediaman	1 – 3 Oktober 2015	Tanjung malim, Perak
7	Kempen Mahasiswa Ganyang Rasuah	18 Oktober 2015	UMK Kampus Kota
TERAS KEBUDAYAAN			
1	<i>The International Forum And Performances</i>	17 – 18 ogos 2015	Yala Rajabhat University, Thailand
2	Pertandingan Dikir Barat Mega Badan-Badan Berkanun Malaysia 2015	26 November 2015	Dewan Keusahawanan UMK Kampus Kota
3	Festival Tari Malaysia Peringkat Negeri Kelantan	5 Disember 2015	Auditorium, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negera (JKKN) Kelantan
TERAS SUKAN			
1	<i>Vetsa Sports</i>	6 – 7 mac 2015	Kompleks Belia dan Sukan, Panji
2	Kejuaraan Pencak Silat UPSI 2015	15 – 19 April 2015	UPSI
3	Kejohanan Sukan Piala TNC HEPA	29 – 30 April 2015	Perkarangan Kolej Kediaman Kampus Kota
4	<i>Century Ride De Kelantan 2015, Perak Century Ride 2015, Kuantan Century Ride 2015</i>	2 Mei, 30-31 Mei, 6 – 7 Jun 2015	Kelantan, Perak dan Pahang


Perwakilan Pelajar, Kelab Dan Persatuan

Seramai 15 orang ahli majlis perwakilan pelajar bagi sesi 2015/2016 telah dipilih melalui proses pengundian pada 21 Oktober 2015 di ketiga-tiga kampus. Peranan utama MPP adalah menjadi penghubung antara pihak pengurusan universiti dengan pelajar dalam menyampaikan dasar-dasar dan maklumat terkini. Di samping menjadi *platform* dalam menguruskan kebajikan pelajar.

Kelab dan persatuan pelajar

Sejumlah 55 kelab dan persatuan pelajar berdaftar dengan pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) pada tahun 2014. Pada tahun 2015 sebanyak sembilan (9) lagi kelab dan persatuan pelajar telah diluluskan menjadikan jumlah kelab dan persatuan pelajar pada tahun 2015 sebanyak 64 kelab dan persatuan.

Perbandingan kelab dan persatuan bagi tahun 2014 dan 2015 dapat diringkaskan seperti dalam rajah 6 berikut:



Carta 33 : Perbandingan Kelab dan Persatuan Bagi Tahun 2014 dan 2015

Pengantarabangsaan Pelajar

UMK sentiasa memberikan galakan dan peluang kepada para pelajar untuk menimba ilmu pengetahuan melalui program pengantarabangsaan. Program sebegini mampu melahirkan mahasiswa yang lebih berketerampilan, kreatif, berfikiran global dan terbuka serta boleh menimba pengalaman yang luas menerusi pemerhatian dan interaksi dengan masyarakat antarabangsa.

Pada tahun 2015 sebanyak 11 program pengantarabangsaan pelajar telah berjaya dilaksanakan oleh pelajar UMK dan pencapaian ini sama dengan pencapaian tahun sebelumnya. Sehubungan itu, bagi memastikan hubungan UMK dengan universiti-universiti luar negara sentiasa terjalin, pihak universiti sentiasa mengambil inisiatif dalam memperkasakan program-program pengantarabangsaan yang melibatkan pelajar UMK dengan pihak luar.

Program pengantarabangsaan pelajar yang telah dijalankan dalam tahun 2015 adalah seperti jadual dibawah:

PROGRAM	TARIKH	LOKASI
Program Pengantarabangsaan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Ke Istanbul, Turki	15 – 20 Februari 2015	Istanbul, Turki
“Cultural Exchange Scholarship” Daripada SIAS International University, China	26 Februari – 6 Julai 2015	China
Asean Cultural Night	2 – 3 April 2015	Prince of Songkla University, Pattani
Kelantan – UMK Di Mata Dunia – Cross Cultural Learning Engagement 2015	2 – 12 April 2015	American University in Cairo, Egypt
Program Delegasi Akademik ke Indonesia	6 – 9 April 2015	Indonesia
Entrepreneurship Certificate Programme	10 Jun – 12 Ogos 2015	Babson College, USA
Program Mobiliti Pelajar Berkredit	1 Julai – 31 Ogos 2015	Universitas Hasanuddin, Indonesia
Program Mobiliti Pelajar Berkredit	1 Julai – 31 Ogos 2015	Prince of Songkla University, Thailand
Sosial Enterprise for Economic Development Programme	27 Julai – 9 Ogos 2015	Mountain Province, Filipina
Program Kajian Rentas Exias 2015	4 – 6 Oktober 2015	University of Bangkok, Thailand
Malay-Thai Cross Border Mobilty Programme 2015	26 – 30 Oktober 2015	Prince of Songkla University, Surat Thani Campus, Thailand

Jadual 41 : Senarai Program Pengantarabangsaan Pada Tahun 2015

Pembiayaan dan penajaan pengajian pelajar

Sumber pembiayaan/penajaan pengajian telah disediakan kepada pelajar-pelajar bagi kelangsungan pembelajaran pelajar. Di antara agensi-agensi yang menyediakan pembiayaan kepada pelajar universiti pada tahun 2015 adalah seperti berikut :

- i. Perbadanan Tabung Pinjaman Tinggi Negara (PTPTN)
- ii. Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)
- iii. Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- iv. Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR)
- v. Kuok Foundation Berhad
- vi. Pejabat Setiausaha Negeri Selangor
- vii. Yayasan Negeri (Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Selangor)

Selain dari pembiayaan/penajaan dari agensi-agensi tetap, pihak universiti prihatin dengan para pelajar yang mengalami masalah kewangan khususnya pelajar yang datang dari keluarga yang kurang berkemampuan. Sehubungan dengan itu, pihak Universiti telah mengambil inisiatif untuk menjalinkan kerjasama dengan syarikat, agensi dan institusi kewangan bagi memberi sumbangan dalam bentuk dermasiswa, bantuan pelajaran dan zakat. Bagi tahun 2014, sebanyak tiga organisasi korporat telah memberikan sumbangan terkumpul bernilai RM120,000.00, manakala pada tahun 2015 sebanyak empat organisasi dengan jumlah terkumpul sebanyak RM170,000.00.

PROGRAM	AMAUN	
	2014	2015
Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR)	RM 60,000.00	RM 90,000.00
Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam)		RM 40,000.00
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat)	RM 30,000.00	
Takaful Ikhlas		RM 10,000.00
Lembaga Kemajuan Amanah Islam Malaysia (LAKIM)	RM 30,000.00	RM 30,000.00
Jumlah	RM 120,000.00	RM 170,000.00

Jadual 42 : Jumlah Sumbangan dari Organisasi Korporat



Kemudahan Pinjaman Jangka Pendek

Bagi membantu pelajar yang kurang berkemampuan, pihak universiti mengekalkan kemudahan pinjaman jangka pendek tanpa faedah dengan amaun tidak melebihi RM 1,000.00 bagi setiap pemohon. Malah, untuk meringankan beban pelajar bagi melakukan pembayaran balik, pelajar dibenarkan untuk membuat bayaran balik pinjaman pada kadar mampu bayar mengikut situasi kewangan individu.

Pada tahun 2014, seramai 44 orang pelajar telah menerima kemudahan ini manakala pada tahun 2015 seramai 33 orang pelajar telah diluluskan kemudahan pinjaman ini. Antara faktor yang menyumbang kepada penurunan pelajar yang memohon pinjaman jangka pendek adalah disebabkan sumbangan demasiswa/zakat dari organisasi korporat pada tahun 2015 meningkat dan dimanfaatkan oleh pelajar.

ACARA KEMUNCAK

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1	Program Pasca Banjir Bersama MPP IPTA Seluruh Malaysia	18 Januari 2015	Kampung Laut, Tumpat, Kelantan
2	Baktisiswa IPT Pantai Timur Bersama Masyarakat Desa	21 – 23 Mei 2015	Kg. Kerilla, Temangan Machang



Universiti Malaysia Kelantan telah dijadikan sebagai pusat operasi pasca banjir yang mana Bilik Gerakan Operasi Base Camp telah diwujudkan sebagai lokasi berkumpul, merancang, menyelaras, serta menggerakkan misi bantuan banjir di seluruh negeri Kelantan. UMK telah menjadi tumpuan daripada pelbagai pihak khususnya Universiti Awam (UA) dalam dan luar negara. Antara institusi yang terlibat ialah UNIMAP, UMP, Universiti Rajabhat (Yala), Universiti Fatoni serta Universiti Prince of Songkla (PSU) Pattani dan Hat Yai yang mana telah berkampung di UMK bagi melaksanakan Misi Bantuan Pasca Banjir di negeri Kelantan. UMK terus mengambil langkah proaktif menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO) antaranya Persatuan Orang Kota Bharu (POKB) dan agensi kerajaan seperti Agensi Kelayakan Malaysia (MQA),

Taylor's University, Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM), Majlis Agama Islam Kelantan, Persatuan Ulama Malaysia dan sebagainya.


Program pasca banjir bersama MPP IPTA seluruh Malaysia yang berlangsung di Kampung Laut, Tumpat dan Program Baktisiswa IPT Pantai Timur bersama masyarakat desa di Kampung Kerilla, Temangan Machang memberi kesan yang sangat bermakna kepada seluruh rakyat Kelantan terutamanya mereka yang terlibat dengan banjir. Program-program yang telah dianjurkan itu merupakan *platform* terbaik kepada mahasiswa Universiti Awam (UA) yang menyertainya dalam menyelami sendiri perasaan dan penderitaan mangsa banjir Bah Kuning 2014.

KOMUNITI & MASYARAKAT

Sejajar dengan perkembangan akademik, pembangunan keusahawanan, ekosistem dan persekitaran dalam melahirkan mahasiswa yang berkemahiran, UMK turut memberi penumpuan terhadap aspek kemasyarakatan menerusi program-program komuniti yang berimpak dengan mengeratkan hubungan kerjasama secara harmoni dan berkesan. Pelaksanaan program ini bukan sahaja memberi impak positif kepada pelajar dari segi sahsiah diri malah dapat membantu komuniti melalui perkembangan sektor ekonomi, khidmat sosial dan juga pegangan muafakat.

Program sokongan pembelajaran ini terus dilaksanakan menerusi sasaran dan penilaian menerusi CAP Pembangunan Holistik Pelajar yang mensasarkan pembangunan sahsiah mahasiswa ke arah pembentukan personaliti pelajar yang unggul dan holistik.

Tahun 2015 menyaksikan penjadualan program khidmat masyarakat yang terancang selaras dengan pemahaman terhadap nilai melalui Teras 5, menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan industri. Ringkasan program khidmat komuniti dan masyarakat mengikut teras adalah seperti di sebelah:



Carta 34: Program Komuniti dan Khidmat Masyarakat Berdasarkan Lima (5) Atribut.


Di antara program komuniti dan khidmat masyarakat yang memberikan impak besar dan menjadi tumpuan adalah seperti berikut:

PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	PENGLIBATAN
KEUSAHAWANAN			
Program Usahawan Tani	26-27 Mei 2015	UMK, Kampus Jeli	Pelajar Keusahawanan Pertanian
Karnival Pertanian, Hortikultur dan Agro-Ekopelancongan Jeli 2015 (JAHAC'15)	22 - 25 Oktober 2015	Dataran Bandar Jeli	Staf, pelajar, NGO Jeli, agensi kerajaan, agensi swasta, usahawan dan masyarakat setempat
BAHTERA 2015 'Bumipreneurs of Tomorrow'	19 - 20 Ogos 2015	Kuala Lumpur Convention Centre	20 Pelajar Bumiputera FKP
PERSEKITARAN			
Majlis Pelancaran Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) Peringkat Negeri Kelantan	29 November 2015	UMK Kampus Jeli	Jabatan Alam Sekitar, UMK Kampus Jeli dan masyarakat setempat
ATRIBUT KHIDMAT KOMUNITI			
Program Pasca Banjir	9 & 10 April 2015	Kg. Kuala Mahligai, Dabong	Staf, pelajar, PDRM, Pejabat Istana, Agensi Kerajaan, NGO Jeli
Program Menyusuri Kg. Tunku Abdul Rahman Petra	22 Disember 2015	Sekolah Kebangsaan Kuala Balah	Staf, pelajar dan masyarakat setempat
Pembinaan Modul Institut Latihan Pengurusan Kelantan (ILPK)	Sepanjang 2015	Nilam Puri, Kelantan	ILPK dan Staf JSK
ATRIBUT KEBUDAYAAN			
Bengkel Asas Tarian Tradisional	28 - 30 Mei 2015	Dewan UMK Kampus Jeli	Staf dan pelajar
Bengkel Asas Seni Lakon Teater	5 - 7 Mac 2015	Dewan Sekolah Menengah Ayer Lanas	Staf dan pelajar dan masyarakat setempat
ATRIBUT SUKAN			
Karnival Sukan UMK Kampus Jeli Kali ke-3	13 April - 2 Mei 2015	UMK Kampus Jeli	Pelajar dan staf

PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN

Pengenalan

Selaras dengan penubuhan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) untuk menjadi sebuah Universiti yang benar-benar berteraskan Keusahawanan, setiap aspek pengajaran dan pembelajaran, pembangunan staf, pelajar dan fizikal, termasuk pengurusan Universiti telah dirancang agar tertumpu ke arah pencapaian matlamat yang sama iaitu ke arah menjayakan falsafah Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sebagai sebuah "Entrepreneurial University".



PROGRAM PENDIDIKAN BAHARU 2015

Program Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan 2+2

Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Dengan Kepujian) atau 2+2 merupakan model program pendidikan baharu yang dikelolakan oleh UMK sebagai universiti pertama yang menjalankan program ini. Program Sarjana Muda ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) dengan matlamat untuk melahirkan lebih ramai usahawan di negara ini. Formula yang terbentuk dalam mengedalikan kursus 2+2 ini adalah dengan memberi penekanan kepada empat semester kerja kursus merangkumi pengajaran teori, amalan industri dan kerja bengkel keusahawanan. Seterusnya dua semester perantis keusahawanan melalui penglibatan pelajar secara praktikal dan diakhiri dengan dua semester operasi teroka baharu (*New Venture Operation*).

Impak

Melalui program ini pelajar dapat lebih memahami konsep keusahawanan dan mampu membangunkan perniagaan sendiri dengan menjalani kursus selama empat tahun berpandukan modul baharu merangkumi perimbangan antara akademik dengan praktikal serta bimbingan ahli industri yang telah dilantik sebagai rakan kongsi (mentor) yang menjadi pakar rujuk dalam melaksanakan program tersebut.

Matlamat

- Usahawan graduan yang mempunyai atribut-atribut keusahawanan, pengetahuan dan kemahiran pengurusan serta atribut sendiri untuk berdaya saing dalam menempuh alam keusahawanan
- Graduan keusahawanan yang mempunyai atribut-atribut keusahawanan, pengetahuan dan kemahiran pengurusan serta atribut sendiri bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan di pelbagai industri

Program 3+1

Program ini memberi pengalaman sebenar dan mendedahkan mahasiswa dengan amali keusahawanan yang mantap khususnya berkaitan pengurusan rekod akaun dan kewangan syarikat, sebelum menceburi bidang keusahawanan di dalam skala yang lebih besar. Penglibatan mahasiswa dan usahawan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak industri dan pelajar dalam mempersiapkan diri meneroka dan mempraktis segala gerak kerja dalam bidang keusahawanan.

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama pintar dan jaringan yang teguh bersama komuniti dan pihak industri. Ia membolehkan pensyarah dan mahasiswa berinteraksi terus dengan pihak komuniti dan industri. Mereka berpeluang menyumbangkan kepakaran dan merasai pengalaman sebenar dalam komuniti dan industri.

Impak

Melalui program 3+1 ini, seramai 45 orang pelajar tahun akhir telah ditempatkan di 15 buah syarikat yang menyahut pelaksanaan program ini. Daripada jumlah itu, seramai 5 orang pelajar mendapat tawaran pekerjaan oleh syarikat terbabit. Selain itu, tiga syarikat telah ditubuhkan oleh pelajar dan telah menerima tawaran perniagaan menjalankan operasi mereka.

Kursus Keusahawanan Kepada Staf

Kursus Keusahawanan Staf merupakan kursus yang diwajibkan kepada semua kakitangan lantikan tetap sebagai salah satu syarat pengesahan jawatan. Penganjuran kursus ini adalah bermatlamat untuk memberi kesedaran kepada semua staf mengenai keusahawanan di samping mengatasi jurang pengetahuan ilmu teori dan praktikal keusahawanan dalam kalangan tenaga pengajar IPT. Selain itu penganjuran program ini adalah bertujuan untuk menyemai atribut keusahawanan di dalam diri staf. Kursus ini juga akan dapat memberi pendedahan kepada staf yang berminat untuk memulakan perniagaan.

Program Dan Aktiviti Keusahawanan 2015

Aktiviti keusahawanan yang dianjurkan oleh setiap fakulti dan pusat tanggungjawab merupakan landasan pembelajaran kepada pelajar Universiti Malaysia Kelantan bagi memupuk dan mengukuhkan lagi minat mahasiswa terhadap keusahawanan.

Pendedahan dan latihan dalam setiap program yang dianjurkan turut diterapkan dengan nilai-nilai dan kemahiran keusahawanan yang merangkumi aspek kepimpinan, inovasi, kreativiti, berdaya tahan, berdaya saing, berdikari, mengambil risiko terkira (*calculated risk*) dan kebolehan untuk mengenal pasti dan membuka peluang (*opportunity identification and creation*).

Sebanyak enam (6) program Keusahawanan Berimpak Tinggi telah diluluskan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk dijalankan oleh Universiti Malaysia Kelantan. Senarai Program Impak Tinggi Keusahawanan 2015/2016 yang telah diberikan dana oleh Unit Keusahawanan, Kementerian Pengajian Tinggi kepada Universiti Malaysia Kelantan adalah sebagaimana berikut:-

BIL.	NAMA PROGRAM	SASARAN	FAKULTI
1	Penternakan Ayam Kampung (RM100,000.00)	24 orang setahun terdiri dari pelajar-pelajar Sarjana Muda dan Sarjana tempatan yang berminat dan berkaitan.	FPV
2	Pembangunan Usahawan Peternakan Ikan Air Tawar (RM100,000.00)	12 orang setahun terdiri daripada pelajar-pelajar Sarjana Muda dan Sarjana tempatan yang berminat dan berkaitan.	FIAT
3	Membangunkan Rangkaian Kedai Membeli Belah Langsung secara Maya (<i>Direct Virtual Shopping</i>) (RM100,000.00)	Seramai 20 sehingga 50 usahawan maya daripada kalangan mahasiswa dan industri di kampung dan luar bandar akan ditubuhkan pada awal permulaan projek ini.	PBI
4	<i>Creative Economic Apprenticeship Programme (CEAP)</i> (RM100,000.00)	100 orang pelajar FTKW yang dipilih melalui pertandingan "Business Plan Competition".	FTKW
5	Industri Perkayuan Komposit (RM70,000.00)	24 orang peserta (4 buah syarikat pelajar berdaftar) yang terdiri daripada pelajar tahun 3 dan 4 di Fakulti Sains Bumi.	FSB
6	<i>Corporate Directors Training Programme (CDTP)</i> (RM50,000.00)	Pengarah-pengarah syarikat pelajar daripada setiap universiti.	UMKEI

Program Keusahawanan Sepanjang Tahun 2015

Program-program keusahawanan lain yang dijalankan di Universiti Malaysia Kelantan sepanjang tahun 2015 adalah sebagaimana berikut:-

BIL.	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
ENTREPRENEURSHIP KNOWLEDGE PROGRAMME			
1	<i>BeeHive Young Entrepreneurship Acceleration Programme</i>		
	i. Majlis Pelancaran BeeHive-Malaysia	30 Januari 2015	GERIC, UMK Kuala Lumpur
	ii. <i>Mini Busking Festival</i>	27 – 28 April 2015	UMK Kampus Kota
	iii. Bengkel Prototaip BeeHive di UMK	5-9 Mei 2015	UMK Kampus Jeli
	iv. <i>Entrepreneurial Coaches</i>	1 Oktober – 1 November 2015	UMK Kampus Kota/ Bachok/ Jeli
	v. <i>Training for Trainers (ToTs)</i>		
	vi. <i>Entrepreneurship BootCamp</i>		
	vii. <i>BeeHive Space Design Challenge</i>		
	viii. Program Explorasi Asean di Bangkok, Thailand	11 – 15 November 2015	Universiti Bangkok, Thailand
2	<i>Entrepreneur Of The Month: The Role of Consultant in Entrepreneurship</i> Penceramah: YBhg. Tuan Hj. Ir. Azme bin Idris (Pengerusi Iktisas Ingeneurs Sdn. Bhd.)	25 Februari 2015	UMK Kampus Kota
3	<i>Corporate Directors Training Programme (CDTP)</i> Pengaruh-pengaruh Syarikat Pelajar seluruh Universiti di Malaysia	16 – 17 Mac 2015	Hotel MGU Firdaus & Hotel Perdana, Kota Bharu
4	Sesi Dialog bersama Komuniti Bachok - Pemilihan Keluarga Angkat Program Bantuan Kemiskinan UMK-JPP (Projek Profiling Kemiskinan Kelantan)	7 April 2015	UMK Kampus Bachok
5	Motivasi Tunas Keusahawanan PROSPEK	21 April 2015	SMK Bukit Payong, Besut, Terengganu
6	<i>SME Bank Group Outreach and Biz Talk 2015</i>	22 April 2015	UMK Kampus Kota
7	Seminar Keusahawanan Francais 2015	25 April 2015	UMK Kampus Kota
8	<i>Entrepreneur of The Month: Sebuah Perkongsian sebagai Usahawan</i> Penceramah : Tuan Haji Laili Bin Ismail (Ketua Pegawai Eksekutif Perdana Ekpress)	12 Mei 2015	UMK Kampus Bachok
9	Program “Cash Flow Game”	16 Mei 2015	UMK Kampus Kota
10	<i>Hi Tea: UMK Strategic Partnership With Industry</i>	4 Jun 2015 29 Jun 2015	Networking Lounge, ResourceCentre, TPM
11	Siri Syarahan Pengerusi (<i>Chairman Lecture Series</i>) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) 2015 Penceramah: YBrs. Tuan Haji Ali Hassan Bin Mohd Hassan (Pengaruh Urusan Al-Ikhsan Sports Sdn. Bhd.)	22 September 2015	UMK Kampus Kota
12	<i>Program Advanced Courses for SME@University di Tokyo SME University, Japan</i>	26-31 Oktober 2015	Tokyo SME University, Japan

BIL.	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
13	Bengkel <i>1MET 3.0 Bootcamp</i>	13-14 Nov 2015	Villa Daniella, Bachok
14	Program " <i>CEO@Faculty</i> " Penceramah: YBr. Tuan Haji Ali Hassan Bin Mohd Hassan (Pegawai Urusan AI-Ikhsan Sports Sdn. Bhd.)	10 Disember 2015	UMK Kampus Kota
15	<i>Program Town Hall Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA)</i> bersama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri	20 Disember 2015	UMK Kampus Kota
16	Bengkel <i>Business Online</i>	11 Disember 2015	UMK Kampus Kota
ENTREPRENEURSHIP ACTION PROGRAMME			
17	Program <i>1ASEAN Entrepreneurship Summit (1ASEAN)</i> bagi: i. <i>1Asean Entrepreneurship Consultancy Training</i> ii. <i>1Asean International New Venture Creation</i>	19 – 21 Mac 2015	Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)
18	Karnival Jualan sempena Karnival Pendidikan Tinggi Jom Masuk IPT 2015 di RTC	28 - 29 Mac 2015	Rural Transformasi Center, (RTC) Kota Bharu
19	<i>Juicing Day Student UMK</i>	27 April 2015	UMK Kampus Kota
20	Lawatan Babson & WOW Labs ke Universiti Malaysia Kelantan	27 April 2015	UMK Kampus Kota
21	Program Komuniti Keusahawanan@Selising	2 Mei 2015	Kg. Selising, Pasir Putih, Kelantan
22	Program Maghi Gegar UMK 2015	7 Mei 2015 – 9 Mei 2015	Perkarangan Kolej Kediaman UMK Kampus Kota
23	Minggu Keusahawanan KREATIF (CREW2015)	10 – 13 Mei 2015	UMK Kampus Bachok
24	Program Anak Angkat PROSPEK dan Makeover	22 - 24 Mei 2015	Daerah Besut, Terengganu
25	Program Minggu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)	2-3 Jun 2015	UMK Kampus Kota
26	Program <i>Exhibition And Assessment Day 2015 (Express Yourself)</i>	24 Jun - 9 Julai 2015	UMK Kampus Bachok
27	Bengkel <i>Demand-Driven Innovation Projek by Public Private Research Network (PPRN)</i>	30 Julai 2015	UMK Kampus Kota
28	Kursus Keusahawanan Kepada Staf Bil. 1-4/2015	10-13 Ogos 2015	UMK Kampus Bachok
29	Perusahaan Sosial dan Pembangunan Ekonomi (SEED) IV	13-25 Ogos 2015	Kg. Bukit Durian & Kg. Kursial Baru, Gual Ipoh, Tanah Merah
30	ISME dan SME@UMK- <i>Merdeka Trade Expo</i>	28,29 dan 30 Ogos 2015	Dataran Saidina Ali, Kok Lanas
31	Majlis Menandatangani <i>Letter of Intent</i> antara Usahawan SME@UMK (GHA Enterprise)	4 September 2015	Karnival Usahawan Desa (KUD) Putrajaya
32	Program Tunas Niaga (PROTUNE) Tahun 2015/2016	10 September 2015	UMK Kampus Kota
33	Program Pembangunan Usahawan Berprestasi Tinggi bagi 16 Pusat Internet 1 Malaysia (Khas bagi Pengurus)	11 dan 12 September 2015	UMK Kampus Kota
34	Program Pembangunan Usahawan Berprestasi Tinggi bagi 16 Pusat Internet 1 Malaysia (Khas bagi Penolong Pengurus)	18 dan 19 September 2015	UMK Kampus Kota
35	Program Gerak Gempur <i>Book Keeping</i> PROSPEK dan 3+1	24-30 Oktober 2015	Daerah Besut, Terengganu
36	<i>Roadshow</i> Bola Dan Gerak Ceria CocaCola	8 Oktober 2015	UMK Kampus Kota
37	Ceramah Industri Keusahawanan Strategik	16 Oktober 2015	UMK Kampus Kota



BIL.	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
38	Ekspo Pertanian sempena <i>Jeli Agriculture Horticulture Agro-Ecotourism Carnival (JAHAC'15)</i>	22-25 Oktober 2015	Dataran Bandar Jeli
39	Ekspo Kerjaya <i>Jeli Agriculture Horticulture Agro-Ecotourism Carnival (JAHAC'15)</i>	22-25 Oktober 2015	Dataran Bandar Jeli
40	Pesta Buku sempena <i>Jeli Agriculture Horticulture Agro-Ecotourism Carnival (JAHAC'15)</i> i. <i>Entrepreneur Lunch Talk</i> ii. Program UNESCO iii. <i>Word Search</i>	22-25 Oktober 2015	Dataran Bandar Jeli
41	Hari Terbuka UMK sempena <i>Jeli Agriculture Horticulture Agro-Ecotourism Carnival (JAHAC'15)</i>	22-25 Oktober 2015	Dataran Bandar Jeli
42	Auto Show sempena <i>Jeli Agriculture Horticulture Agro-Ecotourism Carnival (JAHAC'15)</i>	22-25 Oktober 2015	Dataran Bandar Jeli
43	<i>SME Internship Championship</i>	3 November 2015	UMK Kampus Kota
44	Program Jaringan Kolaborasi serta lawatan ISME-SME@UMK ke Jepun	16- 20 November 2015	UMK Kampus Kota
45	Karnival Jom Sihat 2.0	24 November 2015	UMK Kampus Kota
46	Seminar Keusahawanan Kesihatan	25 November 2015	UMK Kampus Kota
47	Kursus Keusahawanan Kepada Staf Bil. 5/2015	25 November 2015	Hotel Crown Garden, Kota Bharu
48	Program Pelengkap Sesi Jaringan Industri bagi Peserta SME@UMK Batch 3 di Johor Bahru (Syarikat Al Ikhsan Sports Sdn.Bhd.) dan Singapura (Agro Bazaar Malaysia)	25-28 November 2015	Syarikat Al Ikhsan Sports Sdn. Bhd. & Agro Bazaar Malaysia
49	<i>Prime Entrepreneurial Lecture Series (PELS)</i> Tajuk : " <i>Hospitality in Healthcare: Service Beyond Treatment</i> " Penceramah : Encik Zulhisam bin Wahid (Pengurus, One Stop Nursing Care Centre)	01 Disember 2015	UMK Kampus Kota
50	Empower ECER, Agropolitan, Rantau Manis Gua Musang	Setiap dua (2) minggu	Rantau Manis Gua Musang
51	Program Pembangunan Usahawan Berprestasi Tinggi bagi 16 Pusat Internet 1 Malaysia (Khas Pengurus dan Penolong Pengurus)- Siri II	20-21 Disember 2015	UMK Kampus Kota



Syarikat Pelajar Mahasiswa

Mahasiswa UMK digalakan untuk mempunyai perniagaan sepanjang pengajian. Antara syarikat pelajar yang ditubuhkan pada 2015 adalah sebagaimana berikut:-


BIL	NAMA SYARIKAT	NAMA PEMILIK	PEMILIKAN	FAKULTI	JENIS PERNIAGAAN
1	Azam Inspired Resources	Muhammad Sufi 'Azam Bin Azhari	Perkongsian	FKP	Pakaian & Minuman
2	Armada Resources	Amir Nasiruddin Bin Mohd Amin	Persendirian	FKP	Percetakan Baju dan Reka Bentuk
3	Jmk Farhan Enterprise	Mohd Farhan Bin Junus	Persendirian	FKP	Alatan
4	Aa Tiger Burger	Mohd Fauzul Bin Ibrahim	Persendirian	FKP	Burger
5	Sweet Florist	Tan Siew Cheng	Perkongsian	FKP	Bunga Konvokesyen
6	Spark Solution Enterprise	Mohammad Nur Shaifuddin Mohd Yusof	Persendirian	FKP	Perkhidmatan Bas Cartar Kepada Pelajar
7	Prima Mekar Enterprise	Mohamad Shareef Bin Mohd Hafiz Mani	Persendirian	FIAT	Produk Makanan Ikan / Kereta Sewa
8	Aiyad Ace Enterprise	Aiyad Iqbal Bin Omar Aminah Bt Nutman	Perkongsian	FIAT	Produk Makanan (Popia)
9	Khydro Tech Enterprise	Siti Nurul Ashikin Bt Mohd Ali Raini Hakimullah Bin Khabilu Alifah Amrina Bt Muhamad Ihsan	Perkongsian	FIAT	Reverse Osmosis
10	D'lovely College	Nur Farrah Izzaty Shhari Nurul Husna Binti Abdul Rashid Mohammad Akmal Bin Ahmad Norashikin Binti Hamjah Mohd Fikri B. Azlan	Perkongsian	FSB	Servis Mesin Basuh
11	Quail Guys	Muhammad Amiruddin Bin Wahab Muhammad Syazwan Bin Ramli Mohamad Faiz Bin Mohd Nor	Perkongsian	FIAT	Daging, Telur, Anak Puyuh

BIL	NAMA SYARIKAT	NAMA PEMILIK	PEMILIKAN	FAKULTI	JENIS PERNIAGAAN
	Quail Guys	Muhammad Aiman Bin Adam Ahmad Bukhari Bin Hazmee Khaleeda Azalea Binti Dzulkifli Akrimah Binti Yusoff Aina Nazurah Binti Mohd Khlobi Fathin Alian Binti Ruslan	Perkongsian	FIAT	Daging, Telur, Anak Puyuh
12	Ruby Coffee	Hakimullah Bin Khabilu Mohd Suhaimi Bin Mat Razak Muhammad Haziq Bin Razak	Perkongsian	FSB	Food & Beverages
13	Khatulistiwa Emas Enterprise	Mohd Zharif Ramli	Persendirian	FIAT	Perikanan

Usahawan Graduan Yang Dilahirkan 2015

Pangkalan data sistem IMS (*Tracer Studies*) yang dijalankan sepanjang tahun 2015 terhadap pelajar yang bergraduasi pada tahun 2014, mendapati seramai 36 (6.26%) orang graduan telah memilih kerjaya usahawan sebagai pilihan selepas menamatkan pengajian. Daripada jumlah ini, 14 orang pelajar tersebut merupakan graduan daripada Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), 16 orang daripada graduan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), 5 orang daripada Fakulti Industri Asas Tani (FIAT), dan 1 orang daripada Fakulti Sains Bumi (FSB).

Daripada jumlah graduan yang memilih usahawan sebagai kerjaya pilihan tersebut, 50 peratus (%) mengusahakan perusahaan sendiri, 20 peratus (%) membantu perusahaan keluarga, 19 peratus (%) memilih untuk menjalankan perusahaan secara perkongsian, serta 11 peratus (%) daripadanya menjalankan perniagaan secara milikan tunggal. Carta bagi jenis perniagaan graduan sesi akademik 2010/2011 adalah sebagaimana berikut:-



Carta 35: Jenis Perniagaan Graduan Sesi Akademik 2010/2011

Syarikat Milik Graduan

Syarikat Genamorima Enterprise

Pelajar lulusan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Mohammad Khairul Mohd Shukri sebagai Pengurus Urusan bersama dua (2) lagi rakan kongsi iaitu Huseen Mohamaed sebagai Pengurus Pemasaran dan Muhammad 'Ammar Amran selaku Pereka telah menubuhkan Genamorima Enterprise pada 14 Julai 2014. Syarikat ini menyediakan perkhidmatan reka bentuk grafik, interaktif multimedia, laman web dan produksi video animasi serta penyuntingan.

Selain itu, syarikat usahawan graduan ini juga menghasilkan barang-barang cenderahati dan hadiah, perabot, alat tulis, bahan tekstil, makanan mentah kering, catering, mencuci bangunan, membersihkan kawasan, hiasan jalan/kawasan, dobi, pusat latihan perisian/ konsultan, media cetak dan pembekal mesin pejabat.

Syarikat Ezy Enterprise


Selain itu, Pelajar lulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Bioindustri) Fakulti Sains Bumi (FSB), Nor Akila Akma Izzanim, berhasrat untuk mengembangkan perniagaan keluarga dalam memproses keropok lekor dan keropok losong milik ibunya yang diusahakan dari tahun 2013.

Pendedahan secara langsung sewaktu bergelar mahasiswa di UMK serta konsep pembelajaran dan pengajaran yang telah dilalui di UMK membantu beliau memahami makna dan konsep sebenar tentang dunia keusahawanan yang membolehkan beliau menambahbaik mutu dan kualiti produk serta memasarkan produk sehingga ke luar negeri dan menambah bilangan tenaga pekerja daripada tiga (3) orang kepada 12 orang

PEMERKASAAN INFOSTRUKTUR & INFRASTRUKTUR

Repositori Bahan Ilmiah Universiti

Universiti Malaysia Kelantan Institutional Repository (UMK-IR) adalah merupakan repositori atas talian koleksi digital intelektual oleh komuniti Universiti Malaysia Kelantan. Institutional Repository (IR) ini juga merupakan satu *platform* bagi mendeposit, menyimpan, mendapatkan semula koleksi bahan-bahan ilmiah yang mempamerkan hasil penyelidikan dan koleksi terbitan yang dihasilkan oleh warga Universiti. Sehingga Disember 2015, bilangan bahan pelbagai jenis penerbitan ilmiah dalam UMK-IR adalah sebanyak 3472 item. Indikator ini menunjukkan peningkatan hasil penerbitan ilmiah yang telah dihasilkan oleh warga Universiti Malaysia Kelantan.



Carta 36 : Jumlah *Item* yang Dideposit dalam UMK Intitutional Repository

Pembangunan Koleksi Perpustakaan

Secara keseluruhan, bahan rujukan fizikal bagi tahun 2015 adalah sebanyak 139,879 naskah meliputi bahan rujukan bercetak dan bahan Audiovisual (cakera padat, kaset video dan video). Pada tahun 2015 juga pihak Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu telah memfokuskan penambahan bahan-bahan rujukan melalui *online* (atas talian) bagi menyokong keperluan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di UMK. Sehingga Disember 2015, sebanyak 32 pakej pangkalan data atas talian telah dilanggan. Manakala bagi Bahan Terbitan Bersiri, Pihak Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu telah melanggan sebanyak 324 judul. Perolehan bahan perpustakaan ini membolehkan Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu menyediakan lebih sumber rujukan pembelajaran dan penyelidikan bagi memenuhi keperluan rujukan maklumat oleh para pengguna khususnya bagi pelajar tahun akhir dan pelajar pascasiswazah.

Hasil perolehan sumber rujukan yang pelbagai ini telah membolehkan pengguna membuat carian komprehensif meliputi jurnal ilmiah, jurnal akses terbuka, paparan teks penuh, artikel-artikel dalam jurnal berimpak tinggi dan maklumat penyelidikan yang relevan. Selain daripada itu, perolehan pangkalan data atas talian yang komprehensif membantu pengguna membuat tapisan dan memilih jurnal dan rujukan yang sesuai sebagai media penyebaran artikel ilmiah ke seluruh dunia.



Repositori Bahan Ilmiah Universiti

Pada tahun 2015, Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu (PPI) telah membuka operasi dan perkhidmatan secara sepenuhnya di Pusat Ilmu Perubatan Veterinar di Padang Tembak bagi menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan khususnya bagi warga Fakulti Perubatan Veterinar. Pembukaan perpustakaan baharu ini telah memberi impak yang sangat positif kepada Perkhidmatan Perpustakaan menerusi pertambahan kapasiti koleksi khusus berkaitan Perubatan Veterinar dan peningkatan kemasukan pelajar ke Perpustakaan. Selain disebabkan faktor pertambahan pelajar, peningkatan ini adalah didorong oleh persekitaran pembelajaran yang kondusif ditambah dengan penggunaan teknologi maklumat yang terkini seperti penggunaan iPad, iMac dan e-Kandungan yang relevan dan terkini. Pusat Ilmu Perubatan Veterinar ini mempunyai kapasiti pengguna 150 orang pada satu masa dan telah menempatkan lebih 5100 naskah buku rujukan.

Sistem Pengurusan Kualiti Bagi Perkhidmatan Perpustakaan

Buat julung kalinya, UMK melalui Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu telah memulakan gerak kerja bagi melaksanakan SPK MS ISO 9001: 2008 bermula tahun 2014. Hasilnya pada 10 Julai 2015, Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu UMK telah diperakui layak memperolehi Persijilan MS 9001: 2008 dari pihak SIRIM QAS Sdn. Bhd bagi skop Pengurusan Perkhidmatan Perpustakaan di semua kampus.

Pembangunan Sistem Pengurusan Maklumat

Bagi memperkasa prosedur kerja dan operasi yang lebih berkesan dan sistematik, sepanjang tahun 2015 pihak PTM telah membangunkan dua inisiatif terkini sistem pengurusan maklumat secara dalaman iaitu Sistem E-Parcel dan Sistem E-Medical.

The screenshot displays the E-Medical system interface. At the top, there is a navigation bar with options like Home, Email, Calendar, Event, Forums, Biz Card, and Logout. Below this is a calendar for April 2016 and a search bar. The main content area is titled 'Medical' and shows a table of 'Panel Clinic' data. The table has columns for #, Code, Name, and Address. The data includes various clinics such as PUSAT RAWATAN KOMUNITI, KLINIK PANCHO, KLINIK TMC, KLINIK KELUARGA (POLIKLINIK & SURGERI), KLINIK RUSLI, POLIKLINIK DR. AZHAR & RAKAN-RAKAN, POLIKLINIK AN NISA, KLINIK WAKAF SIKU, PUSAT RAWATAN AL-FARHAIN, KLINIK PANCHO BERIS, KLINIK HIDAYAH, KLINIK ARIFFIN DAN NAZIHAH, KLINIK TENGGU EZANI, KLINIK DR. AMINUDDIN, KLINIK PERDANA TANAH MERAH, KLINIK EHSAN, KLINIK IKHLAS, KLINIK DR. TIEW, KLINIK MAMA, and KLINIK PROJEK D'RAJA. To the right of the table, there are several sidebar panels: 'Today's Events' (No Events Found), 'General Menu' (Latest News, Files Library, Bookmarks, Resource Booking, Form Wizard, Task Manager, Statistics, e-Community usage, User & Group Directory), 'Notepad' (Save, Clear), 'Biz Card' (Quick Search), and 'Bookmarks' (Google.com, Universiti Malaysia Kelantan).

#	Code	Name	Address
1	K003	PUSAT RAWATAN KOMUNITI	PT 537, TMN MURNI, JLN PENGKALAN CHEPA
2	K001	KLINIK PANCHO	575, JLN HOSPITAL
3	K004	KLINIK TMC	LOT 343, SEKSYEN 21, JLN SULTAN YAHYA PETRA
4	K005	KLINIK KELUARGA (POLIKLINIK & SURGERI)	LOT 3099, JLN PADANG TEMBAK, TAMAN INDAH, PENGKALAN CHEPA
5	K006	KLINIK RUSLI	4262-C, JALAN KEBUN SULTAN
6	K134	POLIKLINIK DR. AZHAR & RAKAN-RAKAN	LOT 800 TKT BAWAH BDR SATELIT PASIR TUMBUH, JALAN PASIR PUTIH
7	K148	POLIKLINIK AN NISA	NO 778 A & B, JALAN PINTU GENG BESAR WAKAF CHE YEH
8	K135	KLINIK WAKAF SIKU	4176-G, JALAN SULTAN YAHYA PETRA
9	K138	PUSAT RAWATAN AL-FARHAIN	PT 5076, KOMPLEKS PERNIAGAAN SAIDINA ALI, KOK LANAS
10	K142	KLINIK PANCHO BERIS	LOT 3203, K.G. BERIS KUBUR BESAR
11	K145	KLINIK HIDAYAH	NO 6, BANGUNAN MDJ BANDAR BARU
12	K139	KLINIK ARIFFIN DAN NAZIHAH	PT 418, JALAN PANTAI IRAMA
13	K141	KLINIK TENGGU EZANI	NO.14 BLOK D1, PT 753, JALAN BACHOK, KEDAI BERIS
14	K144	KLINIK DR. AMINUDDIN	LOT 1167, JALAN DABONG, BANDAR JELI
15	K147	KLINIK PERDANA TANAH MERAH	TINGKAT BAWAH, LOT 3240, JALAN ISMAIL PETRA
16	K136	KLINIK EHSAN	NO 1172, JALAN KUALA KRAI, KEDAI KETEREH
17	K140	KLINIK IKHLAS	LOT 16, PEKAN JELAWAT
18	K143	KLINIK DR. TIEW	PT 1980 BANDAR BARU BUKIT BUNGA
19	K146	KLINIK MAMA	PT 4809, JALAN CEMPAKA MERAH, TAMAN KOTA HARMONI
20	K149	KLINIK PROJEK D'RAJA	NO. 1, LOT 97, SEK.25, JLN SULTAN YAHYA PETRA

Sistem E-Parcel

Sistem ini dibangunkan bagi memberi kemudahan kepada pengguna untuk menguruskan *parcel* yang diterima. Pengurusan ini bermula dari penerimaan *parcel* dari syarikat pengeposan sehingga pengesahan penerimaan oleh penerima iaitu pelajar dan kakitangan. Sejalan dengan perkembangan teknologi penjualan atas talian yang berkembang pesat, sistem ini sangat membantu pihak pengurusan *parcel* untuk memastikan tiada kehilangan dan kerosakan pada *parcel* tersebut. Ia juga dapat memendekkan masa penghantaran kepada penerima sama ada kakitangan atau pelajar dengan cara notis penerimaan dihantar melalui e-mel rasmi universiti. Jumlah lambakan *parcel* di stor pengumpulan juga dapat dikurangkan kerana penerima mengambil *parcel* setelah notis dihantar.

Sistem E-Medical

Sistem ini dibangunkan bagi membantu pihak Bahagian Pengurusan Organisasi menguruskan perkhidmatan klinik panel kepada staf Universiti. Dengan adanya sistem ini, kakitangan dan tanggungan hanya perlu menunjukkan kad staf atau kad pengenalan sahaja berbanding sebelum ini setiap staf perlu membawa buku pengenalan diri sebagai pengesahan kepada staf universiti. Selain itu keberkesanan pengurusan maklumat rawatan staf dan tanggungan juga dapat ditingkatkan melalui penghantaran data rawatan secara atas talian yang membolehkan pihak BPO memantau maklumat bayaran dan jumlah staf yang mendapatkan rawatan secara *real time*.

Pemerkasaan Infrastruktur Dan Rangkaian Internet

Sepanjang tahun 2015, pelbagai inisiatif bagi memperkasa jaringan internet dan prasarana berkaitan telah dilaksanakan bagi meningkatkan kemudahan capaian internet yang menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan dan menampung pertambahan pengguna di ketiga-tiga kampus. Projek-projek yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut:

- Menaiktaraf Infrastruktur Rangkaian Utama di Universiti Malaysia Kelantan Kampus Kota.
- Meningkatkan Infrastruktur dan Perkhidmatan Wifi di Universiti Malaysia Kelantan.
- Menaiktaraf Perkakasan dan Perisian Pangkalan Data (Oracle).
- Menaiktaraf perkhidmatan Litar Suwa di Universiti Malaysia Kelantan Kampus Jeli.
- Menaiktaraf Bilik Rangkaian Kampus Kota.
- Memindahkan operasi Pusat Data ke Pusat Pemulihan Bencana.
- Menaiktaraf Perkakasan Sistem SAGA.

